laporan tahunan 2017

PERAK

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

© Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000, Ipoh, Perak

05-2095000 (Talian Umum)

Isi **Kandungan**

04 **Prakata**

- YAB Menteri Besar Perak
- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

12 Maklumat **Korporat**

- Visi, Misi dan Objektif

14 Pejabat **YAB Menteri Besar Perak**

32 Bahagian **Khidmat Pengurusan**

72 Unit **Perancang Ekonomi**

86 Bahagian **Pengurusan Sumber Manusia**

118 Bahagian **Pengurusan Maklumat**

134 Bahagian **Kerajaan Tempatan**

144 Bahagian **Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

154 Bahagian **Korporat**

166 Bahagian **Audit Dalam**

176 Majlis **Sukan Negeri**

186 Lembaga **Muzium Negeri Perak**

196 Lembaga **Perumahan dan Hartanah Perak**

Sidang **Pengarang**

Penaung

YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Penasihat

YBhg. Dato' Abu Bakar bin Hj. Said
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Ketua Penyunting

Noor Aniza binti Mansor
Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Korporat

Urus Setia Penerbitan

Roslan bin Jamaluddin
Azmi bin Mohamed Asmayatim

Fotografi

Nor Azman bin Zambahari
Mohd Faiz Izuddin bin Zulkifli

Penerbitan

Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

laporan tahunan 2017

SUK PERAK

Penyunting

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar Perak
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
Setiausaha Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan
Ketua Audit Dalam
Pengarah Majlis Sukan Negeri
Pengarah Lembaga Muzium Darul Ridzuan
Pengarah Eksekutif (Perumahan)

Prakata
YAB Menteri Besar Perak

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh,
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia, dan Salam Perak Aman Jaya.

Syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya, Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dapat disempurnakan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak kerana berjaya membukukan Laporan Tahunan bagi Tahun 2017. Penghasilan buku ini merupakan hasil daripada kerja dan tugas yang telah dilaksanakan mengikut bahagian sepanjang 2017.

Kejayaan dan pencapaian tahun 2017 ini merupakan hasil daripada konsistensi kakitangan awam dalam melaksanakan bidang tugas dan tanggungjawab bagi tempoh setahun ini. Kejayaan Kerajaan Negeri Perak ini dalam menerajui pembangunan negeri Perak boleh dibanggakan kerana menjadi satu cabaran kepimpinan bagi mendepani pemodenan serta persaingan ekonomi dunia masa kini. Begitu juga komitmen daripada semua pihak yang telah menjadi inti pati kepada semua kejayaan yang direkodkan dalam laporan tahunan ini.

Dengan izin Allah, semoga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak akan terus cemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap rakyat negeri Perak serta supaya tiada yang tertinggal dan tiada yang terpinggir.

Sekian, terima kasih.

YAB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.,
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

ZAMBRY

Prakata

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh,
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia, dan Salam Perak Aman Jaya.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya, Laporan Tahunan bagi Tahun 2017 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah berjaya disiapkan sebaik tamatnya tahun 2017.

Segala projek usaha sama yang telah dilaksanakan merupakan kejayaan kolaborasi semua jabatan negeri, persekutuan, agensi-agensi dan badan bukan kerajaan di dalam negeri Perak. Tunjang perpaduan di antara semua jabatan merupakan komponen penting bagi memastikan pencapaian demi pencapaian dicipta. Kejayaan yang merupakan hasil kerjasama semua pihak yang terdiri daripada kakitangan penjawat awam seharusnya menjadi contoh serta budaya kerja kepada kejayaan akan datang.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh semua jabatan. Semoga setiap usaha sama yang dijayakan ini dapat menghasilkan kejayaan untuk kesejahteraan rakyat demi masa depan negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN
S.P.M.P., P.J.N., D.P.M.P., J.M.N., K.M.N., P.M.P., A.M.P., P.P.T.
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

ABDUL PUHAT

perak
KITA JUARA 2018
WESTSTAR
AW139

Peristiwa Bergambar 2017
FIT
PERAK
@PERAK TENGAH

MB INC
MAJLIS PENYERAHAN
MENARA SSI

Peristiwa Bergambar 2017

Maklumat Korporat

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Perak Darul Ridzuan

Visi

Menjadi jentera pentadbiran Kerajaan Negeri yang bertaraf global untuk kebajikan dan kesejahteraan yang berkualiti dan kemakmuran kepada rakyat.

Misi

Memajukan penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui transformasi dan inovasi untuk memenuhi kehendak semua pelanggan dan rakyat.

Objektif

01 Membangun penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus korporat, inovasi dan kreativiti yang berkualiti dan amalan mesra pelanggan dan rakyat.

02 Meningkatkan kemajuan sosio-ekonomi ke tahap berprestasi tinggi, lestari, seimbang dan adil.

03 Meningkatkan imej perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang mendahulukan pelanggan, proaktif dan cepat dalam mengatasi permasalahan pelanggan/rakyat.

Carta Organisasi

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Perak Darul Ridzuan



SUK

PEJABAT **YAB MENTERI BESAR PERAK**

03

Pejabat **YAB MENTERI BESAR PERAK**

Pejabat YAB Menteri Besar Perak berperanan sebagai tonggak utama pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang dianggap pencetus dan penggerak dalam merealisasikan hasrat, wawasan dan pelaksanaan agenda pembangunan negeri. Idea, pendekatan, strategi pembangunan dicetus dan diilhamkan untuk memacu agenda mencapai hasrat kehendak serta memenuhi tuntutan dan menyampaikan hasrat rakyat agar dapat direalisasikan sepenuhnya. Secara umumnya, keber-kesanan pentadbiran Pejabat YAB Menteri Besar Perak melambangkan imej dalam memacu kemajuan dan agenda pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat.

VISI

Memperkasakan urus tadbir perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cemerlang berteraskan konsep 3P (Peranan, Persekitaran dan Pembangunan) mencakupi professionalisme, integriti dan teknologi terkini ke arah mewujudkan perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dengan matlamat menjadikan Perak Darul Ridzuan sebuah Negeri Maju Berpendapatan Tinggi 2020.

TERAS PEJABAT YAB MENTERI BESAR PERAK

Teras Pejabat YAB Menteri Besar Perak ialah dasar, panduan dan pokok kepercayaan yang menjadi asas sesuatu tindakan yang perlu diamalkan oleh semua peringkat kakitangan Pejabat YAB Menteri Besar Perak. 4 Teras ini mengemukakan panduan-panduan, contoh-contoh nilai dan etika serta amalan-amalan baik yang perlu diamalkan dan amalan-amalan negatif yang perlu dihentikan. Tumpuan utama setiap teras adalah individu. Ini didasarkan kepada kepercayaan bahawa nilai-nilai yang penting untuk membentuk peribadi yang tertentu dan peribadi ini pula akan mempengaruhi pembentukan organisasi yang berjaya.

1. Teras Integriti

Amalan positif
- Sentiasa bertangungjawab terhadap tugas yang diberi
- Tekun dan sabar menjalankan tugas
- Boleh di harap untuk menyempurnakan tugas
- Mementingkan kualiti
- Bersikap profesional dan cekap
- Cepat, cermat dan berdisiplin
- Inisiatif

Amalan Negatif
- Tidak boleh diharapkan
- Suka bangkang dan berdalih apabila diberi tugas
- Tidak bersungguh-sungguh
- Tidak peka kepada kualiti
- Tidak taat kepada arahan
- Selalu buat silap
- Tidak ikut peraturan
- Suka bertangguh

2. Kebijaksanaan Berhikmah

Amalan Positif
- Berhati-hati apabila berbelanja
- Mengadakan sistem kewangan yang berkesan
- Tidak membazir harta kerajaan datangnya dari rakyat
- Bertanggungjawab ke atas setiap perbelanjaan
- Tahu membezakan antara keperluan dengan kemewahan

Amalan Negatif
- Boros dan suka membazir
- Tidak cermat dengan harta kerajaan
- Kurang peka dan bakhil kepada keperluan awam
- Suka berbelanja besar tidak kena pada tempatnya
- Bermewah dengan harta kerajaan
- Memperaga kehebatan dan kemewahan

3. Pengurusan Masa

Amalan Positif
- Menepati masa
- Menyenggerakan tugas
- Mempunyai perancangan waktu
- Bijak menguruskan masa yang diberi
- Menumpukan masa kepada kerja produktif
- Menetapkan *target date*
- Menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan

Amalan Negatif
- Berbual-bual kosong
- Tidak menyenggarakan tugas
- Tidak merancangkan pekerjaan
- Melayan tetamu yang tidak berkenaan
- Tinggalkan pejabat untuk urusan peribadi
- Berniaga di waktu pejabat
- Ke kantin waktu bertugas
- Tiada *sence of urgency*
- Tidak merancang pekerjaan
- Membuat kerja peribadi di pejabat
- Tidak peka kepada pembaziran masa

4. Kepimpinan Teladan

Amalan Positif
- Bermoral dan berakhlak tinggi
- Tertib dan beradap sepanjang masa
- Rajin dan kuat kerja
- Amanah dan bertanggungjawab
- Berbudi mulia serta merendahkan diri
- Gemar dan cintakan ilmu yang bermanafaat

Amalan Negatif
- Buruk perangai
- Jahil dan tidak suka membaca
- Dengki dan buruk sangka
- Mempersendakan agama
- Kedekut
- Suka mencari helah untuk mengelak tanggungjawab
- Sensitif dan pemarah

Gambar Aktiviti Kakitangan **Pejabat YAB Menteri Besar Perak**

Ziarah ke rumah penerima Bantuan Kerajaan

Sambutan Hari Keluarga YAB Menteri Besar Perak di Johor Bahru

Mesyuarat Penyelarasan Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak bersama Pegawai-pegawai Khas EXCO

Perbincangan dan penyelesaian aduan daripada Orang Asli

Mendengar Keluhan Rakyat di Klinik Dr Zambry sempena Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak

Aktiviti *Water Confident* semasa aktivti *Retreat* pejabat YAB Menteri Besar Perak

YAB MB Bersama Kakitangan Sempena Sambutan Hari Raya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Retreat Jawatankuasa Induk Permukiman YAB Menteri Besar Perak bersama Dato' Saarani Mohamad

Program Silaturahim *Bowling* Pejabat YAB Menteri Besar Perak di Ipoh Parade

Sesi Bergambar bersama peserta Program Pembangunan Modal Insan yang dianjurkan oleh Unit Strategik

Sambutan Hari Lahir bersama YAB Menteri Besar Perak

Program Turun Padang/*Walkabout* Dan Permukiman YAB Menteri Besar Perak

Rakyat merupakan mata dan telinga kepada penambahbaikan perkhidmatan dan pembangunan. Permasalahan rakyat yang berlarutan sekian lama tanpa sebarang penyelesaian akan memberikan implikasi kepada proses-proses pembangunan dan persepsi negatif terhadap kerajaan. Ini adalah kerana kejayaan kerajaan tidak hanya diukur kepada peningkatan pembangunan tetapi penyelesaian masalah rakyat terutamanya penduduk luar bandar turut mempengaruhi pembangunan sebenar. Adalah penting dan menjadi tanggungjawab untuk memberikan maklumbalas secara bertulis atau bersemuka bagi menerangkan secara telus dan langsung mengenai sesuatu isu berbangkit akan memberikan lebih kepuasan kepada rakyat (pelanggan).

Dalam usaha mendekati semua lapisan masyarakat dalam konteks merubah persepsi rakyat terhadap transformasi pembangunan, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah mengambil pendekatan yang lebih efektif dengan melaksanakan Program Turun Padang. Program ini adalah bertujuan untuk mendekati dan mendengar rintihan rakyat yang mana suara rakyat diberikan keutamaan setiap kali program ini diadakan di setiap kawasan atau daerah di Negeri Perak. Program Turun Padang turut dilengkapi dengan Klinik Dr Zambry yang memfokuskan kepada mendekati permasalahan rakyat yang menjadi tunjang kepada permasalahan pembangunan dan kelewatan memberikan maklumbalas. Secara relatifnya, proses-proses transformasi dapat dilaksanakan menerusi amalan keterbukaan yang dibentuk dalam Program Turun Padang atau *walkabout*. Dalam konteks ini penekanan terhadap 3P turut diterapkan iaitu Pandang, Perasaan dan Penyelesaian. Berdasarkan kepada beberapa program yang telah diadakan didapati pendekatan yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah mendapat sambutan yang amat baik setiap kali program diadakan kerana rakyat dapat memberikan aduan terus kepada YAB Menteri Besar Perak dan Ketua-ketua Jabatan berkaitan.

Selaras dengan pencapaian Program Turun Padang/ *Walkabout* YAB Menteri Besar Perak yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Kerajaan Negeri telah meneruskan program ini yang diadakan secara konsisten dengan mengekalkan konsep 3P dan ditambahbaik untuk kebaikan semua. Bermula pada tahun 2015 perancangan untuk penambahbaikan atau transformasi telah dibuat melalui kajian dan penelitian serta pandangan pelbagai pihak. Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri mengambil pendekatan lebih proaktif dengan memperkenalkan Program Permukiman Daerah YAB Menteri Besar Perak. Tempoh masa yang lebih lama iaitu 5 hari diperuntukkan bagi menyelami denyut nadi rakyat melalui program-program yang dapat memberikan manfaat kepada mereka. Program-program lebih berbentuk santai dalam usaha untuk memperkasakan konsep yang bersifat *'people centric'* dan turut melibatkan semua portfolio Exco. Transformasi ini juga turut melibatkan perlaksanaan program *signature* dan pengkhususan pendekatan 7 teras utama telah memberikan impak yang lebih luas dan mendalam kepada masyarakat merangkumi pelajar sekolah, orang kampung, orang Asli, kaum wanita, masyarakat berbilang kaum, institusi keagamaan, pegawai-pegawai kerajaan, golongan pendidik dan pemimpin masyarakat. 7 (tujuh) teras utama permukiman ialah :

i. Teras Kesejahteraan Rakyat
ii. Teras Kelestarian Alam Sekitar dan Sumber
iii. Teras Keselamatan
iv. Teras Pendidikan/Modal Insan/ICT
v. Teras Ekonomi, Pelancongan dan Kebudayaan
vi. Teras Agama dan Integrasi
vii. Teras Sukan dan Belia

Kerajaan Negeri Perak telah meneruskan Program Permukiman Daerah di keseluruhan daerah Negeri Perak dan sehingga kini, program ini telah dilaksanakan sebanyak 11 permukiman. Antara daerah dan bilangan program yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL.	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PROGRAM	KDZ
1.	Daerah Hulu Perak	23-27 Februari 2017	137	7
2.	Daerah Kerian	17-20 Mei 2017	102	4
3.	Parlimen Larut	16-20 Ogos 2017	130	3
4.	Parlimen Bukit Gantang dan Taiping	22-26 November 2017	96	3
5.	Daerah Bagan Datuk	17-21 Januari 2017	95	2
6.	Daerah Perak Tengah	7-11 Mac 2017	109	4
7.	Daerah Hilir Perak	18-22 April 2017	111	4
8.	Daerah Kuala Kangsar	16-20 Mei 2017	157	4
9.	Parlimen Tanjung Malim	18-22 Julai 2017	116	4
10.	Daerah Batang Padang dan Kampar	25-30 September 2017	162	5
11.	Daerah Manjung	24-28 Oktober 2017	167	4

Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak

Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak merupakan cetusan Idea Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd. Kadir. Program Permukiman YAB Menteri Besar Perak melibatkan kerjasama YB EXCO-EXCO Kerajaan Negeri yang merangkumi program-program bersama rakyat. Meneruskan pendekatan 3P (Padang-Perasaan-Penyelesaian). Pelaksanaan program memfokuskan kepada penglibatan antara pemimpin dan rakyat serta manfaat kepada rakyat, menepati keperluan dan kemahuan rakyat dan program berbentuk santai. Pejabat YAB Menteri Besar Perak berperanan sebagai urus setia induk bagi 11 program Permukiman yang telah dijalankan.

BIL.	DAERAH	BIL. ADUAN/ PEMOHONAN
1.	Hulu Perak	52
2.	Kerian	47
3.	Larut Matang Selama	169
4.	Bagan Datuk	27
5.	Perak Tengah	46
6.	Hilir Perak	92
7.	Kuala Kangsar	91
8.	Muallim	30
9.	Kampar	11
10.	Batang Padang	38
11.	Manjung	38
	JUMLAH KESELURUHAN	**641**

Aduan/Permohonan Semasa Program Permukiman



Program Permukiman **YAB Menteri Besar Perak**

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Bagan Datuk 17 - 21 Januari 2017

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Perak Tengah 7 – 11 Mac 2017

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Hilir Perak 18 – 22 April 2017

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Kuala Kangsar 16 – 20 Mei 2017

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Parlimen Tanjung Malim 18 - 22 Julai 2017

Program Permukiman **YAB Menteri Besar Perak**

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Kampar dan Batang Padang 25 - 30 September 2017

Program Turun Padang Dan Aktiviti **YAB Menteri Besar Perak**

Permukiman YAB Menteri Besar Perak Daerah Manjung 24 - 28 Oktober 2017

Program Turun Padang Dan Aktiviti **YAB Menteri Besar Perak**

good Morning
INDONESIA

FROM INTELLECTUAL
TERRORISM TO INEQUALITY :
CONFRONTING NON TRADITIONAL
SECURITY THREATS
COURSE 2017

2017
QUEST

Program Turun Padang Dan Aktiviti **YAB Menteri Besar Perak**

Senarai Kunjung Hormat YAB Menteri Besar Perak 2017

04.01.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Tn Hj. Mat Lazim b. Idris Pengarah Pelajaran Perak	Pejabat Menteri Besar
	10.00pg	Kunjung Hormat YB Dato' Mohamad Daud Yusoff, Pengerusi dan Cik Aida Hazlyn Hassan, Pengurus Besar Yayasan Perak	Pejabat Menteri Besar
10.01.2017 (Selasa)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Persaraan Laksamana Madya Dato' Abdul Ghani Othman Panglima Bantuan TLDM	Pejabat Menteri Besar
11.01.2017 (Rabu)	**11.00pg**	Kunjung Hormat Dato' Dr. Ahmad Jailani b. Muhamed Yunus Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Pejabat Menteri Besar
16.01.2017 (Isnin)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj Zulkifeli b. Mohd Zin Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara	Pejabat Menteri Besar
01.02.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Ketua Jabatan Baru: 1. Hjh Zarina bt Abd. Latiff Pengarah Negeri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 2. Encik Fikri b. Ghani Pengarah RISDA Negeri Perak 3. Encik Saifullizan b. Kamarul Zaman Pengarah Kem. Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Perak 4. Tuan Haji Rosli b. Yahya Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Perak 5. Encik Yaacob b. Harun Pengarah Imigresen Negeri Perak 6. Puan Noorzuriha bt Haron Noh Rashid Pengurus Pos Negeri Perak	Pejabat Menteri Besar
15.02.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Ketua Jabatan Baru: 1. Tuan Haji Mohd Zawawi b. Zakaria, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak 2. Encik Norazmi b. Abdullah, Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Perak 3. Cik Fauziah bt. Ibrahim Pengarah MITI Perak	Pejabat Menteri Besar
01.03.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Ketua Jabatan Baru: - Tuan Mohd Nazri b. Ismail Pengarah Pilihan Raya Negeri Perak	Pejabat Menteri Besar

20.03.2017 (Isnin)	**10.00pg**	Kunjung Hormat Pertukaran YBhg Brig. Jen. Dato' Mas'od b. Hj Muhammad Mantan Panglima 2 Briged	Pejabat Menteri Besar
22.03.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat oleh Ketua Jabatan Baru	Pejabat Menteri Besar
24.03.2017 (Jumaat)	**10.30pg**	Kunjung Hormat TYT Mr. Vanu Gopala Menon Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Malaysia	Pejabat Menteri Besar
29.03.2017 (Rabu)	**9.45pg**	Kunjung Hormat Brig Jen Datuk Mohd Nizam b. Hj Jaffar Panglima 2 Briged	Pejabat Menteri Besar
07.04.2017 (Jumaat)	**9.30pg**	Kunjung Hormat oleh Encik Rumaizi bin Baharin@ Md. Daud Pengarah PTG (Baru)	Pejabat Menteri Besar
17.04.2017 (Isnin)	**10.00pg**	Kunjung Hormat oleh Duta Besar Norway, TYT Mr. Hans Ola Urstad & Delegasi Jabatan Perikanan	Pejabat Menteri Besar
03.05.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat YBhg Prof Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (Baru)	Pejabat Menteri Besar
	10.00pg	Kunjung Hormat oleh YBhg Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	Pejabat Menteri Besar
	3.00ptg	Kunjung Hormat YAS Dato' Wira Haji Wan Mohd Nor b. Haji Ibrahim Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Pejabat Menteri Besar
04.05.2017 (Khamis)	**2.00ptg**	Kunjung Hormat TYT Mr. Zhou Hongbo Datuk Bandar Nanning	Pejabat Menteri Besar
11.05.2017 (Khamis)	**12.15tgh**	Kunjung Hormat Jawatankuasa Baru Majlis Belia Negeri Perak	Bilik Mesyuarat, Pejabat Menteri Besar
05.06.2017 (Isnin)	**10.00pg**	Kunjung Hormat oleh YBhg Dato' Dr. Hassan Merican bin Omar Naina Merican, Pengarah Kesihatan Negeri Perak (Baru)	Pejabat Menteri Besar
	10.15pg	Kunjung Hormat YBhg Dato' Pahlawan Hasnan bin Hassan Ketua Polis Perak (Baru) dan YBhg Dato' Zainuddin b. Yaacob Timbalan Ketua Polis Perak (Baru)	Pejabat Menteri Besar
16.06.2017 (Jumaat)	**11.00pg**	Kunjung Hormat Delegasi Dewan Perniagaan Malaysia Hong Kong & Macau (MCCHKM)	Bilik Gerakan Negeri
21.06.2017 (Rabu) 26 Ramadan	**9.30pg**	Kunjung Hormat YBhg Dato' Mohamed Zin b. Yusop Pengarah Perhutanan Negeri Perak	Pejabat Menteri Besar

26.07.2017 (Rabu)	**9.30pg – 10.00pg**	Kunjung Hormat Ketua Jabatan Baru: 1. SAC Mohd Shahar b. Ibrahim Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am, Ulu Kinta 2.Tn. Hj. Manan b. Muda Pengarah Kastam Negeri Perak 3.TPjR Kamarul Idzham b. Kamal Pengarah RELA Negeri Perak	Pejabat Menteri Besar
09.08.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat oleh Ketua Jabatan Baru: 1. Encik Sabri b. Mansor Pengarah Penyiaran Negeri Perak 2.Encik Mohd Zulkifly b. Ahmad Rashidi Pengurus Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Cawangan Perak) Kementerian Sumber Manusia (KSM) 3.Encik Khairul Ridzuan b. Mat Said Pengarah Keselamatan Negeri Perak 4.ACP Tn Muhammad Hanif b. Othman KPD Manjung	Pejabat Menteri Besar
06.10.2017 (Jumaat)	**9.45pg**	Kunjung Hormat Pemerintah Negeri (Baru): - Dr. Chan Tong Meng - Penyampaian Surat Watikah Pelantikan Semula YAB MB sebagai Yang DiPertua St. John Ambulan Negeri Perak	Pejabat Menteri Besar
	11.00pg	Kunjung Hormat Oleh Tuan Sayed Shariffuddin bin Sayed Shamshuddin ke PIMC (Baru)	Pejabat Menteri Besar
01.11.2017 (Rabu)	**9.30pg**	Kunjung Hormat oleh Ketua Jabatan Baru: 1. Encik Yahaya b. Sani Pengarah Pejabat MARA Negeri Perak 2.Encik Muhammad Sawaddee Islamuddin Pengarah MIDA Perak 3.Encik Muhammad Faizal Shah b. Safian Suri Pengarah KKLW Negeri Perak 4.Dr. Benderi b. Dasril (PhD) Pengarah MSN	Pejabat Menteri Besar
02.11.2017 (Khamis)	**9.30pg**	Kunjung Hormat Ketua Jabatan Baru 1. Encik Muhamad Ghopran b. Yeop Hamzah Pegawai Daerah dan Tanah Perak Tengah 2.Encik Khairul Azwar b. Ramli Pegawai Daerah dan Tanah Kampar	Pejabat Menteri Besar
	2.15ptg	Kunjung Hormat YDH DCP Dato' Omar b. Hj Mannah, Timbalan Ketua Polis Perak	Pejabat Menteri Besar
16.11.2017 (Khamis)	**9.15pg**	Kunjung Hormat Persaraan Tn Hj Juhaimi Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perak	Pejabat Menteri Besar

SUK

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

04

Bahagian **Khidmat Pengurusan**

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan salah satu bahagian utama di Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan urusan pinjaman pengajian, operasi, khidmat pengurusan, pentadbiran daerah, serta keurusetiaan bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri Perak. Pengurusan perkara-perkara ini dilaksanakan melalui unit-unit seperti berikut:

Jumlah Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian



PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK

Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak bertujuan memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi yang ditaja.

1. Penawaran Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak Sesi 2017/2018

Permohonan bagi Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak dibuat melalui aplikasi atas talian unit pinjaman di http://spptp.perak.gov.my. Permohonan telah dibuka mulai 8 Januari sehingga 31 Mac 2017. Pada tahun 2017 seramai 505 pelajar telah ditawarkan Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak dan pecahan pelajar adalah seperti berikut:

BIL.	PERINGKAT PENGAJIAN	MELAYU	BUKAN MELAYU	PENGAJIAN ISLAM	JUMLAH
1.	Diploma	75	12	6	93
2.	Ijazah/Sarjana Muda	291	45	3	339
3.	Ijazah Sarjana	53	6	2	61
4.	Ijazah Kedoktoran	10	2	-	12
	JUMLAH KESELURUHAN	**429**	**65**	**11**	**505**

2. Peruntukan Dari Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun 2017

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 6,000,000.00 bagi penajaan Pinjaman Pengajian Tinggi kepada pelajar-pelajar baru dan pelajar-pelajar lama. Daripada nilai peruntukan ini agihan telah dibuat kepada tiga (3) akaun amanah yang terlibat iaitu sebanyak RM 4,500,000.00 kepada Akaun Amanah Melayu, RM 1,000,000.00 kepada Akaun Amanah Bukan Melayu dan RM 500,000.00 kepada Akaun Amanah Pengajian Islam.

Agihan Peruntukan Kepada Akaun Amanah



3. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pengajian Tinggi Perak

Sehingga 31 Disember 2017, Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Perak telah berjaya mengutip sebanyak RM4,582,747.87 dari bayaran balik pinjaman pelajaran yang telah diberikan. Berikut adalah perbandingan Laporan Kutipan Bayaran Balik dari tahun 2015 sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	MELAYU	BUKAN MELAYU	PENGAJIAN ISLAM	JUMLAH
1.	2015	1,346,863.48	306,863.00	6,050.00	**1,659,776.48**
2.	2016	2,171,234.93	554,793.51	85,900.00	**2,811,928.44**
3.	**2017**	**3,494,143.84**	**920,271.03**	**168,333.00**	**4,582,747.87**



4. Laporan Status Tunggakan Pinjaman Pengajian Tinggi Perak Sehingga 31 Disember 2017

Sehingga 31 Disember 2017, tunggakan pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak adalah sebanyak RM12,833,316.84. Laporan tunggakan mengikut akaun adalah seperti berikut :

Jadual: Jumlah tunggakan mengikut akaun

STATUS TUNGGAKAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
MELAYU	10,858,286.68
BUKAN MELAYU	1,836,168.16
PENGAJIAN ISLAM	138,862.00
JUMLAH KESELURUHAN	**12,833,316.84**

Carta: Status Tunggakan Pinjaman Tinggi Negeri Perak Sehingga 31 Disember 2017



5. Dasar Pinjaman Boleh Ubah Bagi Pinjaman Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Perak

Dasar Pinjaman Boleh Ubah atau biasiswa telah diperkenalkan sebagai anugerah dan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang. Kerajaan Negeri telah memutuskan Dasar Pinjaman Boleh Ubah ini berkuatkuasa bermula pada sesi 2006 bagi pelajar-pelajar sesi 2005/2006 yang menamatkan pengajian pada tahun 2008 dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama serta mencapai purata Gred Kumulatif (CGPA) 3.75 ke atas atau setaraf dengannya.

Bagi tahun 2017, Mesyuarat Lembaga Tabung Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-Anak Perak yang bersidang pada 11 Mei 2017 telah bersetuju meluluskan sebanyak 37 permohonan yang berjumlah RM 666,030.50 kepada peminjam untuk menukar status Pinjaman Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Perak kepada Biasiswa.

TAHUN	AMANAH	BIL PEMINJAM	JUMLAH BIASISWA (RM)
2017	MELAYU	23	390,907.50
	BUKAN MELAYU	14	275,123.00
JUMLAH KESELURUHAN		**37**	**666,030.50**

UNIT KEWANGAN

Unit Kewangan bertanggungjawab mengurus dan mengawal Peruntukan Belanja Mengurus, Pembangunan, Akaun Amanah mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Mengurus di bawah Vot B04 Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah RM86,077,141.88 Dari jumlah ini sebanyak RM84,986,039.65 atau 98.73% telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2017. Peruntukan dan Prestasi perbelanjaan mengikut bahagian ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual: Perbelanjaan Mengurus Vot B04 dan B01

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
1	Bahagian Khidmat Pengurusan (B04)	21,409,560.48	21,242,311.70	99.22%
2	Pejabat YAB Menteri Besar (B04)	5,236,705.00	5,198,431.57	99.27%
3	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (B04)	9,832,353.36	9,626,442.33	97.91%
4	Bahagian Kerajaan Tempatan (B04)	7,755,397.00	7,721,849.37	99.57%
5	Unit Perancang Ekonomi Negeri (B04)	2,271,692.00	2,168,039.17	95.44%
6	Bahagian Pengurusan Maklumat (B04)	2,883,115.00	2,743,458.97	95.16%
7	Majlis Sukan Negeri (B04)	10,804,352.73	10,639,073.55	98.47%
8	Unit Audit Dalam (B04)	548,533.00	515,321.52	93.95%
9	Bahagian Korporat (B04)	1,419,999.71	1,361,751.79	95.90%
10	Muzium (B04)	3,167,088.20	3,149,330.00	99.44%
11	Bahagian Dewan Negeri & MMK (B01)	20,748,345.40	20,620,029.68	99.38%
	JUMLAH	**86,077,141.88**	**84,986,039.65**	**98.73%**

Catatan: Data diambil dalam sistem SPEKS pada 02/01/2018

UNIT SETOR

Berperanan bagi mengurus perolehan, penerimaan, perekodan, penyimpanan, penyelenggaraan dan pengeluaran stok kepada bahagian-bahagian. Kedudukan stok sehingga 30 September 2017, Stok Sedia Ada bernilai RM 55,776.16. Jumlah pembelian bernilai RM 239,051.14 dan pengeluaran bernilai RM 224,885.82. Baki stok pula ialah RM 69,941.75 dengan Kadar Pusingan Stok 4.69. Kadar Pusingan ini menghampiri 4.00 dan dikira hampir baik.

Kedudukan Aset terdiri Harta Modal dan Inventori adalah seperti berikut:

- Harta Modal berjumlah 1035 buah bernilai **RM 18,158,095.06**
- Inventori berjumlah 3512 buah bernilai **RM 1,743,436.55**

Jumlah Keseluruhan Aset Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Sehingga 30 September 2017

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN	BIL HARTA MODAL (KEW PA 2)	NILAI PEROLEHAN (RM)	BIL ASET BERNILAI RENDAH (KEW PA 3)	NILAI PEROLEHAN (RM)
1	Bahagian Khidmat Pengurusan	304	14,904,870.57	1465	645,945.53
2	Pejabat YAB Menteri Besar	66	201,410.00	89	47,250.00
3	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	79	576,641.67	917	337,621.50
4	Bahagian Kerajaan Tempatan	48	261,858.10	197	107,232.90
5	Bahagian Pengurusan Maklumat	76	342,441.60	71	39,163.00
6	Bahagian Dewan Negeri & MMK	158	526,433.80	305	210,535.00
7	Bahagian Korporat	57	219,370.00	30	11,802.00
8	Unit Audit Dalam	35	61,616.00	139	60,862.62
9	Majlis Sukan Negeri Perak	17	73,961.00	193	20,222.00
10	Unit Perancang Ekonomi Negeri	122	644,096.32	106	59,645.00
11	Lembaga Muzium Negeri Perak	73	345,396.00	0	203,157
JUMLAH KESELURUHAN ASET		**1035**	**18,158,095.06**	**3512**	**1,743,436.55**

Pengurusan Stor

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK C [(a+d) / 2]
	Sediada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa	
	Jumlah Nilai Stok (RM)	Jumlah Nilai Stok (RM)	Jumlah Nilai Stok (RM)	Jumlah Nilai Stok (RM)	
	(a)	(b)	(c)	d= (a+b)- (c)	
Baki Bawa Hadapan	**Baki Stok Akhir Tahun: 157,101.96**				**4.69**
Suku Tahun Pertama	26,741.50	116,036.26	115,290.61	27,487.15	4.25
Suku Tahun Kedua	29,034.66	123,015.15	109,595.21	42,454.60	3.07
BAKI AKHIR TAHUN	**55,776.16**	**239,051.41**	**224,885.82**	**69,941.75**	**4.69**

UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan bertanggungjawab memproses dan mengurus pembelian terus, sebut harga dan tender Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan secara cekap, berhemah dan mematuhi tatacara kewangan dan prosedur perolehan yang berkuatkuasa.

Pelaksanaan perolehan pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

Jadual: Jumlah Perlaksanaan Perolehan bagi Tahun 2017

BIL	AKTIVITI	JUMLAH	AMAUN (RM)
1.	Pembelian terus	968	5,350,507.89
2.	Sebut harga	11	531,697.00
	JUMLAH		**5,882,204.89**

Insurans Kemalangan Berkelompok Pemandu Kenderaan Kerajaan Negeri Perak

Seramai 640 orang Pemandu Kenderaan lantikan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah dilindungi Insurans Kemalangan Berkelompok oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan daripada Syarikat Takaful Malaysia.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Urusetia, Majlis Bersama Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Jabatan lain yang termasuk dalam MBJ ini adalah Pejabat YAB Menteri Besar Perak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Majlis Sukan Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak empat (4) kali dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

- 30 Mac 2017
- 26 Jun 2017
- 27 September 2017
- 18 Disember 2017

UNIT SUMBER MANUSIA DAN KUALITI

Unit Sumber Manusia dan Kualiti berperanan dalam mengendalikan hal-hal berkaitan perkhidmatan, menjadi penyelaras bagi audit, kursus, latihan di Bahagian Khidmat Pengurusan, pewartaan, daftar bil serta keahlian Kerajaan Negeri kelab *Royal Perak Golf Club, Meru Valley & Country Club* dan *Ipoh Swimming Club.*

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2017 di peringkat Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti yang berikut:

a. Mesyuarat Perbincangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Khidmat Pengurusan

   Mesyuarat Perbincangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Khidmat Pengurusan Bagi Tahun 2017 telah diadakan pada 24 Mac 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Khidmat Pengurusan.

UNIT PENYELARASAN DAERAH

Menyelaras dan menguruskan mesyuarat dasar dan projek Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Mesyuarat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bersama Pegawai-Pegawai Daerah dan Datuk Bandar / Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak dan urusan pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Perak.

a. Mesyuarat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Pegawai-Pegawai Daerah Dan Datuk Bandar / Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak tahun 2017.

   Mesyuarat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Pegawai-Pegawai Daerah dan Datuk Bandar/ Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak telah diadakan sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:

   i. Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 13 Mac 2017 bertempat di Bilik Gerakan Negeri Perak, Bangunan Perak Darul Ridzuan;
   ii. Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2017 telah diadakan pada 9 Oktober 2017 bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur; dan
   iii. Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017 telah diadakan pada 12 Disember 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat, Menara SSI, Soho Ipoh 2, Ipoh.

d. Menguruskan Anugerah Haji Pengerusi / Ketua Kampung Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Perak.

   Seramai 20 orang Pengerusi / Ketua Kampung JKKK telah dipilih untuk menerima anugerah menunaikan Haji atas perbelanjaan Kerajaan Negeri dan telah menunaikan Fardhu Haji Bagi Musim Haji 1438H/2017M. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi seorang Pengerusi/Ketua Kampung JKKK adalah sebanyak RM9,980.00.

e. Menguruskan Anugerah Umrah Pengerusi / Ketua Kampung Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Perak.

   Seramai 17 orang Pengerusi / Ketua Kampung JKKK telah dipilih untuk menerima anugerah menunaikan

Umrah atas perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi seorang Pengerusi/Ketua Kampung JKKK adalah sebanyak RM8,790.00. Jemaah tersebut telah pergi menunaikan Umrah pada 19 Disember 2017 hingga 29 Disember 2017.

Kursus Umrah bagi 17 orang Pengerusi JKKK telah diadakan pada 5 Disember 2017 bertempat di Dewan Makan ADUN, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

UNIT PENGURUSAN BANGUNAN

Unit Pengurusan Bangunan diwujudkan bagi melaksanakan tugas-tugas mengurus kerja-kerja penyelenggaraan, pembangunan dan naik taraf bangunan-bangunan di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Pencapaian pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, pembangunan dan naiktaraf yang telah dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Bangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA PERUNTUKAN	KUANTITI KERJA	KOS (RM)
1	Peruntukan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan-Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak	41	540,304.36
2	Peruntukan Kerja Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Sekitar Ipoh	12	139,462.00
3	Peruntukan Kerja-Kerja Pembangunan dan Naiktaraf Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak	2	188,059.11
	JUMLAH KESELURUHAN	**55**	**867,825.47**

Pecahan Peruntukan Dan Kerja Pembangunan Dan Penyelenggaraan Bagi Tahun 2017



UNIT KENDERAAN

Unit Kenderaan, Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan satu unit yang berperanan dalam menguruskan aktiviti pengangkutan bagi pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dalam menjalankan urusan rasmi serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan di Negeri Perak.

Jumlah pemandu BKP



Unit Kenderaan, Bahagian Khidmat Pengurusan mempunyai seramai 43 orang kakitangan pemandu kenderaan.

Senarai Penempatan Pemandu



Terdapat sebanyak 63 kenderaan di bawah kelolaan unit kenderaan yang terdiri daripada kategori seperti berikut:

Jadual: Kategori dan jumlah kenderaan di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

JENIS KENDERAAN	JUMLAH
Kereta Rasmi Jawatan/VIP	26
Kereta Sedan (Gunasama/ Kumpulan)	19
Pacuan Empat Roda (4x4)	7
Bas	6
Lori	2
Van	2
Motorsikal	1
JUMLAH	**63**

Sepanjang tahun 2017 bermula dari bulan Januari sehingga November terdapat sebanyak 386 jumlah pembaikan yang dilakukan dan jumlah kos keseluruhan pembaikan adalah sebanyak RM 793,633.45. Tiada pembelian kenderaan baru yang dikendalikan oleh Unit Kenderaan Bahagian Khidmat Pengurusan sepanjang tahun 2017.

Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 9 kenderaan yang ingin dilupuskan atas faktor melebihi 10 tahun berkhidmat dan rekod penyelenggaraan yang tinggi, atas cadangan dan penilaian dari pihak JKR Mekanikal serta pihak pengurusan mencadang untuk melupuskan senarai kenderaan dibawah:

Jadual: Cadangan pelupusan kenderaan bagi tahun 2017

BIL	JENIS KENDERAAN	NO. PENDAFTARAN	CATATAN
1	PROTON PERDANA V6	AHU 838	Proses Lupus (Penilaian Semula)
2	PROTON PERDANA V6	AGU 303	Proses Lupus (Penilaian Semula)
3	PROTON PERDANA V6	AGU 300	Proses Lupus (Penilaian Semula)
4	PROTON PERDANA V6	AGR 7711	Proses Lupus
5	PROTON PERDANA V6	AGR 59	Proses Lupus
6	PROTON PERDANA V6	AGR 1755	Proses Lupus
7	PROTON PERDANA V6	AGU 151	Proses Lupus
8	MERCEDES BENZ ML320	AFX 100	Proses Lupus
9	FORD TRANSIT	AEC 7000	Proses Lupus

UNIT KERAIAN

Unit Keraian merupakan sebuah unit yang berperanan untuk menyelaras & membantu persiapan bagi majlis-majlis yang akan diadakan di Negeri Perak. Unit Keraian juga memainkan peranan apabila terdapat lawatan/ kunjungan rasmi pembesar negara, orang-orang kenamaan dan Kerabat DiRaja ke Negeri Perak.

Terdapat 3 Tugas utama iaitu:

1. Pengeluaran/pengedaran kad & surat jemputan & berkaitan Majlis kepada ketua-ketua jabatan, orang kenamaan Negeri dan orang perseorangan.

BIL.	NAMA MAJLIS	TARIKH
1.	Executive Talk & Perutusan Tahun Baru 2017 oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan	12/1/2017
2.	Majlis Makan Malam Bersama Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Malaysia Sempena Lawatan ke Negeri Perak Darul Ridzuan	7/2/2017
3.	Majlis Perasmian Karnival Creativity & Science 4U 2017 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan (MOSTI)	23/3/2017
4.	Majlis Sambutan Hari Bomba Sedunia di Negeri Perak Darul Ridzuan (Jabatan Bomba)	4/5/2017
5.	Perhimpunan Warga Perkhidmatan Awam Bangunan Perak Darul Ridzuan Bil. 1/2017	25/5/2017
6.	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	10/7/2017
7.	Majlis Pelancaran Negaraku Sehati Sejiwa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan	14/7/2017
8.	Majlis Perasmian Karnival Warisan Merdeka 2017 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan (Jabatan Warisan)	26/8/2017
9.	Majlis Perasmian & Penyerahan Kunci Rumah Pangsapuri Laksamana Amanjaya Daerah Hilir Perak (LPHP)	30/8/2017
10.	Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan	31/8/2017
11.	Majlis Perhimpunan Warga Perkhidmatan Awam Bangunan Perak Darul Ridzuan Bil.2/2017	21/9/2017
12.	Majlis Sambutan Hari Deepavali 2017 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan	28.10.2017
13.	Program Fiesta NBOS Sayang Malaysia 2017	19/11/2017
14.	Majlis Perhimpunan Warga Perkhidmatan Awam Bangunan Perak Darul Ridzuan Bil.3/2017	23/11/2017

2. Membuat panggilan mesyuarat / mengurusetiakan mesyuarat bagi majlis-majlis rasmi yang diadakan di Negeri Perak

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Penyelarasan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta	18/1/2017
2.	Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran Karnival *Creativity & Science 4U* 2017 Negeri Perak	16/2/2017
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Perasmian Sempena Penganjuran Karnival *Creativity & Science 4U* 2017 Di Negeri Perak	8/3/2017
4.	Mesyuarat Penyelarasan Program Kebahasaan Negeri Perak 2017	21/3/2017
5.	Mesyuarat Penyelarasan YBhg. Dato' Sri KKPA Turun Padang ke Negeri Perak	21/3/2017
6.	Mesyuarat Persiapan Sambutan Hari Bomba Sedunia di Negeri Perak 2017	18/4/2017
7.	Mesyuarat Penyelarasan Program Sumbangan Kebajikan Kelab Wanita Perak Wilayah Persekutuan Selangor di Daerah Muallim	19/4/2017
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sempena Sambutan Hari Bomba Sedunia di Negeri Perak 2017	21/4/2017
9.	Mesyuarat Wacana Eksekutif Indeks Syariah Peringkat Negeri Perak (ISM) 2017	27/4/2017
10.	Mesyuarat Penyelarasan Majlis-Majlis Melibatkan Kerajaan Negeri Perak 2017	28/4/2017
11.	Mesyuarat ARC 2017	3/5/2017
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Negeri Perak Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Bil.1/2017	31/5/2017
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Negeri Perak Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Bil.2/2017	16/6/2017
14.	Mesyuarat Jawatankuasa Perbarisan & Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Bil.1/2017	20/6/2017
15.	Mesyuarat Jawatankuasa Perbarisan & Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Bil.2/2017	12/7/2017
16	Mesyuarat Penyelarasan Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2017 Peringkat Negeri Perak	19/7/2017
17	Mesyuarat Perbarisan, Perarakan & Penyampaian Hadiah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017	9/8/2017
18.	Mesyuarat Penyelarasan Majlis Perasmian Pusat Pengumpulan Pemprosesan & Pembungkusan Agroto Business (M) Sdn. Bhd.	11/8/2017
19.	Taklimat Kontinjen Kawad Hari Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Perak	16/8/2017
20.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Negeri Perak Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017 Bil.3/2017	22/8/2017

21.	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Induk *Pangkor Dialogue & Perak Festival of Ideas* 2017 (PFOI)	23/8/2017
22.	Mesyuarat Koordinasi Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2017	24/8/2017
9.	**Menaiktaraf Sistem E-Pinjaman Fasa 4 (Bhgn Khidmat Pengurusan)**	***OUT SOURCE***	Penambahbaikan SPPTP melibatkan modul-modul seperti berikut: a) modul temuduga b) modul carian penyelenggaraan dan pemusatan maklumat peminjam dan pembekal c) modul penguatkuasaan mahkamah d) *executive information system* Penambahbaikan terhadap modul-modul ini meliputi aspek penambahbaikan dari segi antaramuka bagi memudahan proses penggunaan yang lebih *user friendly* terhadap pengguna. Penambahbaikan adalah perlu bagi mempercepatkan proses permohonan serta proses pembayaran, temuduga serta rayuan. URL Sistem : http://spptp.perak.gov.my/	**DISEMBER 2017**
10.	**Penggantian *server, device backup* dan *UPS* melibatkan sistem SPHT dan SPTB di Pentadbiran Tanah Negeri Perak (Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak)**	***OUT SOURCE***	Penggantian *Server, Device Backup* dan *UPS* melibatkan SPHT bagi PDT Gerik, PDT Teluk Intan dan PDT Batu Gajah.	**DISEMBER 2017**

Penambahbaikan Dan Menaiktaraf Sistem Aplikasi

Sistem aplikasi yang telah ditambah baik dan dinaiktarafkan :

BIL	PROJEK/ AKTIVITI	KAEDAH PEMBANGUNAN (*IN HOUSE / OUT SOURCE*)	KETERANGAN	STATUS
1.	**Sistem Pengurusan Latihan dan Tempahan Kemudahan (INTIM)**	***IN HOUSE***	Penambahbaikan terhadap modul sedia seperti carian mengikut tahun dan bulan, penilaian kursus dan penceramah dan lain-lain untuk memudahkan pengguna dan pentadbir. URL Sistem : http://intim.perak.gov.my/slask/	**DISEMBER 2017**

2.	**Laman Web Rasmi Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perak (Bhgn DUN dan MMK)**	***IN HOUSE***	Bagi tahun 2017, skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut: 1. Pemindahan Laman Web dari *server* lama ke *server* baharu. 2. Integrasi Laman Web dengan Sistem Pencalonan Darjah Kebesaran dan Pingat (e-Pingat). 3. Kemasukan data anugerah dari Persekutuan/Negeri lain. 4. Penambahbaikan fasiliti carian mengikut individu/tahun/darjah kebesaran/pingat. 5. Pengemaskinian antaramuka. URL Sistem : http://pingat.perak.gov.my/	**DISEMBER 2017**
3.	**Sistem Permohonan Kebenaran Ke Luar Negara (Bhgn Pengurusan Sumber Manusia)**	***IN HOUSE***	Menambahbaik Sistem Permohonan Kebenaran Ke Luar Negara (PeTRA) bagi memenuhi keperluan pengguna di Unit Sulit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. URL Sistem : http://petra.perak.gov.my/	**DISEMBER 2017**
4.	**Sistem MyPTJ (Bhgn Audit Dalam)**	***OUTSOURCE***	Menambahbaik sistem MyPTJ bagi memenuhi keperluan berikut: a. Merekod kehadiran mesyuarat, surat panggilan mesyuarat dan mengemaskini maklumat mesyuarat. b. Menambah skrin laporan arkib untuk melihat data tahun sebelum. c. Menyediakan laporan tahunan melalui sistem. URL Sistem : http://10.20.0.32/myptj/	**DISEMBER 2017**

Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Berikut merupakan sistem aplikasi yang terlibat :

BIL	PROJEK/AKTIVITI	PENGGUNA
1	SISTEM *HELPDESK* ICT BPM	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
2	SISTEM E-DEWAN	BAHAGIAN DUN DAN MMK
3	E-PINGAT	BAHAGIAN DUN DAN MMK
4	E-MINIT MMK	BAHAGIAN DUN DAN MMK
5	E-FAIL SUK	SEMUA BAHAGIAN
6	SISTEM P.02	UPEN
7	SISTEM TURUN PADANG PEJABAT MB	PEJABAT MENTERI BESAR
8	SISTEM AUDIT *TRAIL* BPM	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
9	E-FAIL BPM	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
10	SISTEM E-LATIHAN	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
11	E-ADUAN	BAHAGIAN KORPORAT
12	SISTEM MYAUDIT	BAHAGIAN AUDIT DALAM
13	SISTEM MYPTJ	BAHAGIAN AUDIT DALAM
14	SISTEM E-ZABEH	JAIPK
15	SISTEM E-AQIDAH	JAIPK
16	PORTAL RASMI NEGERI PERAK	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
17	E-KALENDAR SUK	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
18	*SINGLE SIGN-ON* SUK	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
19	WEB HOSTING	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
20	SISTEM DIREKTORI SUK	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
21	MULTIMEDIA	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
22	SISTEM PENGURUSAN LATIHAN DAN TEMPAHAN KEMUDAHAN	INTIM

Laporan Penyelenggaraan Portal Rasmi Negeri Perak

Bahagian Pengurusan Maklumat berperanan untuk menyelenggara Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak secara dalaman. Jumlah keseluruhan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 110 sehingga bulan Oktober dan pecahan daripada bulan Januari hingga Oktober adalah seperti dalam rajah dibawah.

Penyelenggaraan Portal Rasmi Negeri Perak Tahun 2017



Operasi Dan Rangkaian

Penyelenggaraan Operasi Dan Rangkaian

Bertanggungjawab menyelenggarakan sistem operasi dan pangkalan data aplikasi-aplikasi yang dibangunkan serta infrastruktur rangkaian ICT yang menghubungkan pejabat SUK Negeri Perak ke seluruh bahagian dan agensi kerajaan negeri di setiap daerah. Berikut adalah operasi dan rangkaian yang telah dilaksanakan :

BIL	PERKARA	PENYELENGGARAAN
1	**Sistem Operasi**	Windows Server 2012
		Suse
		Ubuntu
		Redhat
		CentOs
2	**Pangkalan Data**	MySQL
		MS SQL Server
3	**Rangkaian**	Firewall (Metro-e, Wifi dan LAN)
		DNS Server
		VPN Server
		Switch (Core Switch dan Distribution Switch)
		Modem (Unifi dan Metro-e)
		Access Point
		Kabel Rangkaian (Fibre Optic dan UTP Cat5/Cat6)

Projek/ Aktiviti Operasi Dan Rangkaian

BIL	PROJEK/ AKTIVITI	KETERANGAN
1	**Sesi Ujian Sistem Sidang Video**	Sesi ujian sistem sidang video telah diadakan bersama pihak MBI, PBT dan PDT di Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Maklumat pada tarikh seperti di bawah: 26 Januari 2017 22 Mei 2017 19 September 2017 Ujian secara berkala juga dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat bagi memastikan Sistem Sidang Video dapat berfungsi dengan baik. Sistem sidang video telah digunakan semasa Mesyuarat JPICT diadakan seperti berikut: 21 Januari 2017 Mesyuarat JKPICT Bil. 1/2017 23 Mei 2017 Mesyuarat JKPICT Bil. 2/2017 20 September 2017 Mesyuarat JKPICT Bil. 3/2017
2	***Antivirus Sophos Endpoint Security & Control* Dan *Sophos Endpoint + Security & Control For Server***	Pembaharuan lesen *antivirus* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan 132 agensi di bawah rangkaian PerakNet telah dilaksanakan bagi tempoh satu tahun mulai 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2018 sebanyak 4,000 unit.
3	**Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Perisian *Firewall Fortigate 60D, 300C* dan *300D* Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan**	Selesai dilaksanakan pada November 2017 Memperbaharui 18 unit *Firewall Fortigate 60D*, 2 unit *Firewall Fortigate 300C* dan 2 unit *Firewall Fortigate 300D* untuk tempoh setahun
4	**Pemantauan capaian Internet menerusi rangkaian LAN dan Wifi (WiFi@DUN) sepanjang Persidangan Dewan Negeri dan Persidangan Dewan Belia Negeri Perak**	Menjalankan ujian capaian Internet menerusi rangkaian LAN dan Wifi (WiFi@DUN) serta *live-streaming* sebelum dan sepanjang Persidangan Dewan Negeri dan Persidangan Dewan Belia Negeri Perak dijalankan.

Laporan Penyelenggaraan Rangkaian ICT Negeri Perak

Laporan Penyelenggaraan Rangkaian ICT Negeri Perak bagi tahun 2017 adalah seperti di bawah:



Jumlah keseluruhan: 53 aduan dilaporkan dan selesai diselenggarakan

Analisa Rangkaian (Kesimpulan) :

Penyelenggaraan Rangkaian ICT Negeri Perak yang melibatkan sebanyak 26 (49.1%) aduan berjarak <= 25 km dan 27 (50.9%) aduan berjarak >=25km telah diselesaikan dengan cekap dan berkesan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Pembudayaan ICT Termasuk Latihan

Aktiviti pembudayaan ICT yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

Jadual : Kursus/Bengkel ICT 2017 yang telah dijalankan

BIL.	PROJEK/AKTIVITI	KETERANGAN
1	*Knowledge Sharing* Bil. 1/2017	Telah diadakan pada 22 Februari 2017 di Bilik Gerakan Negeri. Sebanyak 5 syarikat telah membuat pembentangan.
2	Kursus Sistem Sidang Video	Telah diadakan pada 2 Mac 2017 di Bilik Mesyuarat BPM bagi memberikan latihan tambahan kepada pengguna sistem sidang video.
3	Kursus PHP Lanjutan: Secured *Programming* dan *Email Notification*	Telah diadakan pada 13-17 Mac 2017 di Bilik Latihan BPM. Kursus ini memberikan kemahiran lanjutan dalam membangunkan aplikasi web menggunakan PHP.
4	Majlis Perasmian Seminar Kesedaran Keselamatan ICT Dan Projek Kajian Pengurusan Impak Manusia Dalam Keselamatan Maklumat (HIMIS - Human Impact Management For Information Security)	Telah dilaksanakan pada 30 Mac 2017 di Dewan Bankuet, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Seminar ini telah diadakan oleh CyberSecurity Malaysia dengan Kerajaan Negeri Perak. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk: • Menerangkan Dasar Keselamatan ICT dan Dasar Keselamatan Siber Nasional. • Memberi kesedaran kepada peserta mengenai pentingnya keselamatan ICT dalam menjalankan kerja seharian; • Menambahkan pengetahuan dan kesedaran mengenai cara terbaik mengguna dan melindungi keselamatan aset ICT. • Memberi penerangan dan kefahaman mengenai ancaman dan kesannya ke atas diri dan organisasi • Meningkatkan tahap kesedaran tentang keselamatan ICT agar lebih peka untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan di samping mengurangkan insiden keselamatan ICT.
5	Kursus *Certified Information Security Awareness Manager* (CISAM)	Telah diadakan pada 28-29 Mac 2017 dan 27-28 Julai 2017 bertempat di Bilik Komputer, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Kursus ini diadakan bersempena program Kajian Pengurusan Impak Manusia dalam Keselamatan Maklumat (HIMIS-Human Impact Management for Information Security) oleh Cyber Intelligence Sdn. Bhd.

BIL.	PROJEK/AKTIVITI	KETERANGAN
6	Kursus *Creating Mobile Apps With jQueryMobile*	Telah diadakan pada 17 Mei 2017 di Bilik Latihan Komputer, BPM. Ia bertujuan memberikan latihan kepada pengatur cara untuk membangunkan aplikasi mobil dengan menggunakan *jQueryMobile*.
7	Bengkel Pelaksanaan Projek Kajian Pengurusan Impak Manusia Dalam Keselamatan Maklumat Penjawat Awam Negeri Perak (Human Impact System For Information Security-HIMIS)	Telah diadakan pada 19-20 Jun 2017 di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Bengkel ini diadakan untuk memastikan kelancaran perjalanan dan pelaksanaan Projek HIMIS ini di peringkat Negeri Perak. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk melatih wakil-wakil agensi yang hadir membantu rakan-rakan sekerja melaksanakan projek HIMIS ini serta memastikan ia dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
8	Penilaian Tahap Keselamatan (Security Posture Assessment, SPA)	Pengujian telah dilaksanakan bermula daripada 17 Ogos 2017 sehingga 12 September 2017 melibatkan pengujian penembusan secara dalaman dan luaran seperti disenaraikan di bawah: • *Server Security Assessment* • *Web Application Security Assessment* • *Database Security Assessment* • *Network Security Assessment*
9	Kursus IPV6	Kursus ini telah diadakan pada 1 hinga 4 Ogos 2017 di Hotel Weil, Ipoh. Kursus ini bertujuan memberikan latihan kepada peserta berkenaan kepentingan IPv6 di dalam industri ICT tempatan yang kini boleh dikatakan amat membimbangkan jika tidak bertukar dari versi lama iaitu IPv4, IP komersial pertama yang kini berusia hampir dua puluh tahun. IPv6 merupakan peringkat terkini bagi IP dan ia dimasukkan sebagai menyokong kebanyakan produk termasuklah sistem operasi komputer utama.
10	*Knowledge Sharing* Bil. 2/2017	Telah diadakan pada 22 Ogos 2017 di Bilik Gerakan Negeri. Sebanyak 5 syarikat telah membuat pembentangan.
11	Seminar Perundangan Mengenai Penyalahgunaan Media Sosial Dan Impak Kepada Negara	Telah diadakan pada 9 November 2017 di Dewan Bankuet, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Seminar ini diadakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama Kerajaan Negeri Perak. Ia diadakan bagi memberikan kefahaman yang menyeluruh mengenai bahana fitnah dan berita palsu di media sosial dan cabaran yang dihadapi akibat penyalahgunaan media sosial kepada warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak khususnya dan sektor awam negeri Perak amnya.
12	Kursus MyMesyuarat versi 2.0	Telah diadakan pada 20 – 21 November 2017 di Bilik Latihan BPM. Kursus ini diadakan bagi memberikan latihan kepada urus setia mesyuarat agar menggunakan sistem MyMesyuarat dalam menguruskan pengendalian mesyuarat di jabatan/agensi masing-masing.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri Perak

Mesyuarat JPICT merupakan mesyuarat yang diadakan secara berkala sebanyak empat (4) kali setahun. Selain berperanan sebagai platform yang menentukan hala tuju serta pembangunan ICT, mesyuarat ini juga diadakan bagi membincangkan permasalahan dan isu-isu ICT, status pelaksanaan projek pembangunan ICT di bawah peruntukan P05, pembentangan kertas kerja projek untuk mendapatkan kelulusan, perbincangan keselamatan ICT dan hal-hal lain yang berkaitan di negeri Perak.

Mesyuarat JPICT bilangan 1, 2 dan 3 telah di adakan secara sidang video bersama 17 Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk Majlis Bandar raya Ipoh. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) akan berterusan melaksanakan pengujian dalam penggunaan sidang video terutama dalam mesyuarat JPICT sebagai persediaan sebelum ia digunakan secara rasmi oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Perak. Penggunaan sidang video dalam mesyuarat berperanan dalam penjimatan kos terutama bagi perbelanjaan tuntutan perjalanan selain ia menjimatkan masa.

BIL	MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 1 2017	27 Jan 2017	9.00 pagi	Bilik Mesyuarat BPM
2	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 2 2017	23 Mei 2017	2.30 petang	Bilik Mesyuarat BPM
3	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 3 2017	20 Sep 2017	9.00 pagi	Bilik Mesyuarat BPM
4	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 4 2017	30 Nov 2017	9.00 pagi	Bilik Gerakan Negeri, SUK Perak

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013

Pejabat SUK Perak sedang ke arah Pensijilan ISMS dengan format yang baru iaitu ISO/IEC 27001: 2013. Pensijilan terdahulu adalah penggunaan standard lama iaitu ISO/IEC 27001: 2007. Format Pensijilan baru adalah tertumpu kepada perubahan skop yang lebih mengutamakan fungsi utama SUK Perak di mana ia berbeza dengan format lama yang lebih menjurus ke arah ICT. Justeru itu Skop Persijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 telah disahkan oleh Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ISMS pada 26 September 2016. Skop Persijilan ISO/IEC 27001:2013 bagi SUK Perak adalah:

**"Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
bagi pengurusan persidangan dewan negeri Perak Darul Ridzuan"**

Berikut merupakan senarai maklumat pelaksanaan Mesyuarat, Kursus, Audit Dalam dan Audit Susulan ke arah pensijilan ISMS tersebut.

BIL	TARIKH	BENGKEL/TAKLIMAT/ MESYUARAT	TEMPAT	PESERTA
1	8 Februari 2017	Mesyuarat Pasukan Kerja ISMS Bil. 1/2017	Bilik Mesyuarat BPM	Wakil 11 bahagian di SUK Perak termasuk BPM
2	11 Ogos 2017 (9.00 pagi - 4.30 petang)	Mesyuarat Pemandu ISMS Bil. 1/2017	Bilik Mesyuarat BPM	Wakil kakitangan bagi 11 bahagian di SUK Perak termasuk BPM
3	29 November 2017 (8.30 pagi - 5.00 petang)	Mesyuarat Pemandu ISMS Bil. 2/2017	Bilik Mesyuarat BPM	Wakil kakitangan bagi 11 bahagian di SUK Perak termasuk BPM
4	10-11Julai 2017 (8.00 pagi – 5.00 petang)	Kursus Audit Dalam	Bilik Latihan Komputer, Bahagian Pengurusan Maklumat	Ahli pasukan kerja ISMS yang juga merupakan Pasukan Audit Dalam ISMS yang dilantik
5	6- 8 September 2017 (8.00 pagi - 5.00 petang)	Audit Dalam ISMS	Bilik Gerakan Negeri dan ke Ruang kerja Bahagian-bahagian dalam SUK Perak yang terlibat di dalam SKOP	Pasukan Audit Dalam ISMS dan Auditee dari BPM, BPSM, BKP, BKT, UPEN, DN & MMK, LMNP, MSN, Bahagian Korporat
6	13 Oktober 2017	Audit Susulan ISMS	Bilik Mesyuarat BPM	Pasukan Audit Dalam ISMS dan Auditee dari BPM, BPSM, BKP, BKT, UPEN, DN & MMK, LMNP, MSN, Bahagian Korporat

Mesyuarat Unit Operasi Dan Dokumentasi

Mesyuarat Unit Operasi dan Dokumentasi dilaksanakan sebanyak enam (6) kali setahun. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah berkenaan status pensijilan baru ISMS, status perancangan kursus, pusat pemulihan bencana (DRC) dan penggunaan perisian *antivirus*; laporan penyelenggaraan rangkaian ICT; laporan penggunaan Bilik Latihan dan *Command Centre*; perkhidmatan sidang video dan pembentangan capaian Internet.

BIL	TARIKH	NAMA
1.	24 Januari 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 1/2017
2.	9 Mac 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 2/2017
3.	30 Mei 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 3/2017
4.	17 Julai 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 4/2017
5.	16 Oktober 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 5/2017
6.	7 Disember 2017	Mesyuarat Operasi, Rangkaian dan Dokumentasi (ORD) Bil. 6/2017

Mesyuarat Penyelarasan Pasukan Tindakbalas Insiden Keselamatan ICT (CERT)

1.	14 September 2017	Mesyuarat Penyelarasan Pasukan Tindak balas Insiden Keselamatan ICT (CERT)

Bengkel Pelaksanaan Projek Kajian Pengurusan Impak Manusia Dalam Keselamatan Maklumat Penjawat Awam Negeri Perak (HIMIS) pada 19-20 Jun 2017

Seminar Perundangan Mengenai Penyalahgunaan Media Sosial Dan Impak Kepada Negara pada 9 November 2017

Keep
Ipoh City
Clean
KOHIJAU
Ipoh City Watch
Ipoh

SUK

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

09

Bahagian **Kerajaan Tempatan**

1. KURSUS ASAS PENGUATKUASA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PERAK

Kursus Asas Penguatkuasa PBT Negeri Perak diadakan pada 13 hingga 16 Februari 2017 di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Tapah dan dihadiri oleh 37 orang peserta dari 15 PBT Negeri Perak.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk melahirkan anggota penguatkuasa PBT Negeri Perak yang cekap, diiktiraf melalui akademik, mempunyai ketahanan fizikal dan mental serta mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Di samping itu, kursus ini memfokuskan kepada beberapa objektif seperti berikut:

i. memberi pendedahan berkaitan bidang tugas serta tanggungjawab sebagai penjawat awam amnya dan penguatkuasa khususnya;

ii. memupuk semangat setia kawan, kerja berpasukan dan kepatuhan kepada arahan serta budaya kerja cemerlang; dan

iii. mempertingkatkan kualiti kerja dan keterampilan serta keyakinan diri semasa menjalankan tugas.

Pengisian program bagi kursus ini adalah terdiri daripada pemahaman kepada Akta-Akta yang diguna pakai oleh PBT dan prosedur operasi standard (SOP) penguatkuasaan untuk rujukan penguatkuasa dalam menjalankan tugas harian. Di samping itu, kursus ini turut diisi dengan aktiviti kecergasan seperti kawad kaki dan latihan jasmani.

2. LAPORAN KURSUS PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN STOR (SPS) VERSI 1PP PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Laporan Kursus Pengguna Sistem Pengurusan Stor (SPS) Versi 1PP PBT Negeri Perak dianjurkan bersama oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bersama Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM). Kursus ini dihadiri oleh seramai 28 orang kakitangan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak pada 21 hingga 22 Februari 2017 di Terminal Sejahtera Slim River (TSSR).

Kursus ini bertujuan untuk memberi pembelajaran dan pengetahuan penggunaan sistem atas talian mengikut pekeliling terbaru selepas dinaiktaraf kepada versi 1PP bagi pengurusan stor di PBT. Fasilitator kursus terdiri daripada dua orang pegawai daripada Syarikat Kanntronics Sdn. Bhd. iaitu Encik Nor Faizal bin Mohamed Ghazali dan Encik Aidie Rosnan bin Jamaludin.

Kursus ini dijalankan untuk memberi pendedahan lanjut berkaitan dengan pengguna Sistem Pengurusan Stor di PBT supaya sistem yang dibekalkan dapat digunakan sepenuhnya di Jabatan masing-masing. Okjektif kursus ini ialah

a. Penerangan asas tatacara pekeliling
b. Penerangan dan definisi modul
c. Memberi latihan dan simulasi modul
d. Mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengunaan sistem.

Bilik Makmal Komputer, TSSR

3. BENGKEL PENYELARASAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) HARTA-HARTA TEKNIKAL MILIK LEMBAGA AIR PERAK (LAP)

Bengkel Penyelarasan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Harta-Harta Teknikal Milik Lembaga Air Perak (LAP) diadakan pada 21 hingga 22 Februari 2017 di Bilik Makan ADUN, Bangunan Perak Darul Ridzuan melibatkan 50 orang peserta PBT Negeri Perak dan urusetia Bahagian Kerajaan Tempatan. Bengkel ini diadakan bertujuan bagi membincang, menyelaras dan memuktamadkan isu berkaitan tuntutan SMK ke atas harta-harta teknikal milik LAP.

Bengkel dua hari ini, telah dikendalikan oleh fasilitator daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh. Perbincangan lebih bertumpu kepada penyeragaman kaedah pengiraan tuntutan SMK.

4. BENGKEL PENYELARASAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) HARTA-HARTA TEKNIKAL MILIK LEMBAGA AIR PERAK (LAP)

Kursus Teknik Penulisan Kompaun, Penyampaian Notis, Saman, Waran Tangkap dan Tatacara Mahkamah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak diadakan pada 18 hingga 21 April 2017 di Selama Inn @ Rumah Rehat Selama, Selama anjuran bersama BKT dan Majlis Bandaraya Ipoh dihadiri oleh 45 orang peserta daripada 15 PBT Negeri Perak.

Kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kemahiran dalam pengendalian kompaun, notis, saman dan waran tangkap. Di samping itu, para peserta juga akan diberi pendedahan berhubung tatacara pengendalian kes

semasa perbicaraan dalam mahkamah. Seterusnya, para peserta turut menjalani aktiviti kecergasan seperti kawad kaki, latihan jasmani serta aktiviti luar.

5. KURSUS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN MPSAS UNTUK PBT NEGERI PERAK

Kursus Penyediaan Penyata Kewangan Menggunakan MPSAS Untuk PBT Negeri Perak diadakan pada 8 Mei 2017 di Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh dengan dihadiri oleh 24 orang peserta daripada 15 PBT Negeri Perak. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan terperinci secara langsung mengenai definisi modul MPSAS. Ia juga memberi penekanan kepada gerak kerja awalan yang perlu diambil oleh PBT untuk merealisasikan MPSAS dalam penyediaan Penyata Kewangan PBT bermula tahun 2017.

6. KURSUS TUNTUTAN PERJALANAN DAN ELAUN LEBIH MASA

Kursus Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa telah diadakan pada 9 Mei 2017 di Bilik Mesyuarat Bahagian Kerajaan Tempatan yang dihadiri oleh 30 orang pegawai dan kakitangan BKT. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan secara terperinci mengenai tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa. Ia juga memberi penekanan tentang cara untuk menentukan samada keperluan elaun makan atau elaun harian serta cara menetapkan jarak kilometer semasa membuat tuntutan.

7. BENGKEL SEMAKAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

Bengkel Semakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) diadakan pada 12 hingga 13 September 2017 di Sri Inai Inn, Gerik melibatkan 31 orang peserta daripada 15 PBT Negeri Perak. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan input cadangan pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku agensi yang menggunapakai dan menguatkuasakan Akta ini.

Di samping itu, bengkel ini juga diadakan adalah selaras dengan cadangan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang akan membincangkan pindaan akta ini di peringkat Kementerian kelak.

8. MAJLIS PELANCARAN PROGRAM NBOS *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD (MyBN)* GOTONG ROYONG TAHUN 2017

Majlis Pelancaran Program NBOS *MyBN* Gotong Royong Tahun 2017 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 14 Oktober 2017 secara serentak di seluruh Malaysia. Majlis Pelancaran Peringkat Negeri Perak anjuran bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh telah diadakan di perkarangan Masjid Al-Ansar, Meru Raya, Ipoh.

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak diiringi oleh YB Exco Perak, Ahli Dewan Undangan Negeri Manjoi dan Hulu Kinta, Datuk Bandar Ipoh serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan dengan jumlah kehadiran peserta seramai 2,000 orang.

9. KURSUS PENGURUSAN PROJEK PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) TAHUN 2017

Kursus Pengurusan Projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2017 diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2017 di Hotel Seri Warisan, Taiping dihadiri oleh 43 orang peserta daripada 15 PBT Negeri Perak.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta proses audit kendiri kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menguruskan pelaksanaan sesuatu projek bermula dari urusan perolehan, pemantauan projek dan prosedur pembayaran agar mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Di samping itu, kursus ini juga diadakan susulan daripada penemuan-penemuan audit yang telah dijalankan ke atas pengurusan projek terutamanya dari segi perolehan di PBT yang didapati kurang mematuhi peraturan atau tatacara yang sepatutnya.

10. KURSUS PENGURUSAN ASET ALIH & STOR PBT NEGERI PERAK

Kursus Pengurusan Aset Alih & Stor PBT Negeri Perak diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2017 di Rumah Rehat Gerik di mana kehadiran peserta kursus adalah seramai 40 orang daripada 15 PBT Negeri Perak.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan memahami konsep, prinsip serta tatacara pengurusan aset dan stor sekaligus mengetahui dasar peraturan kerajaan yang berkaitan terutamanya untuk kakitangan yang baru dilantik bagi mengendalikan aset dan stor di PBT masing-masing.

Kursus ini dikendalikan oleh Puan Nor Rozilawati binti Md Noor, penceramah jemputan dari Seksyen Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya.

11. BENGKEL MPSAS : PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK

Bengkel MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak diadakan pada 5 hingga 7 Disember 2017 di Hotel Taiping Perdana, Taiping melibatkan seramai 30 orang peserta daripada 15 PBT Negeri Perak.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi penekanan yang lebih terperinci bagi pelaksanaan MPSAS dalam penyediaan Penyata Kewangan oleh PBT Perak berkuatkuasa mulai tahun 2017.

Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Rajendran a/l Arjunan, penceramah jemputan dari Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam.

MAJLIS
PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWA
PERINGKAT NEGERI PERAK
Tarikh : 31/10/2017
Bayar
Pay
JOHAN
ANUGERAH INOVASI TEKNOLOGI MAKLUMAT &
KOMUNIKASI (AIICT) 2017
Ringgit
Malaysia
LIMA RIBU SAHAJA
RM 5,000.00

SUK

BAHAGIAN **DEWAN NEGERI DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**

10

Bahagian **Dewan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

1. UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

i. Johan Anugerah Inovasi ICT Peringkat Negeri Perak 2017 - Sistem e-Dewan

BDN & MMK telah dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan Anugerah ICT Peringkat Negeri Perak melalui pembangunan Sistem e-Dewan yang digunapakai dalam pengurusetiaan Mesyuarat Dewan Negeri. Mesyuarat Dewan Negeri merupakan satu persidangan yang memberi impak besar kepada pentadbiran Kerajaan Negeri, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan membawa isu-su rakyat bagi kawasan yang diwakili, dibahaskan dan dijawab oleh YAB Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO mengikut portfolio masing-masing, seterusnya akan diambil tindakan penyelesaian oleh agensi yang berkaitan. Sistem e-Dewan adalah wadah bagi mencapai matlamat tersebut, urusan-urusan sebelum, semasa dan selepas persidangan dapat dikendalikan secara sistematik, cepat, tersusun serta menjimatkan masa dan kos berbanding sistem sebelum ini.

Selain memberi kesempurnaan urusan persidangan Dewan Negeri, sistem ini juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan untuk mengawal dan menjaga integriti maklumat kerahsiaan dokumen kerajaan. Pembinaan sistem ini juga telah mengambil kira perancangan dan penambahbaikan jangka panjang untuk menjadikan skop penggunaannya lebih meluas dan berterusan.

Ahli-ahli Kumpulan Inovasi

ii. Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Seramai sepuluh (10) orang yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan telah mengangkat sumpah jawatan pada 12 Mei 2017 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

a. YB Dato' Haji Saarani bin Mohamad
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan

b. YB Dato' Dr. Mah Hang Soon
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Elwan Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu

c. YB Dato' Mohamad Zahir bin Abdul Khalid
Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor

d. YB Dato' Zainol Fadzi bin Paharudin
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air

e. YB Dato' Hajah Rusnah binti Kassim
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

f. YB Dato' Haji Samsudin bin Abu Hassan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Hal Ehwal Pengguna, NGO dan Masyarakat Sivil

g. YB Dato' Drs. Mohd Nizar bin Zakaria
Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah

h. YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Komunikasi dan Multimedia

i. YB Dato' Dr. Muhammad Amin bin Zakaria
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

j. YB Dato' Shahrul Zaman bin Yahya
Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia

iii. Persidangan Lembaga Pengampunan Negeri Perak Darul Ridzuan

Persidangan Lembaga Pengampunan Negeri Perak Darul Ridzuan yang dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah bersidang sebanyak 2 kali iaitu:

a. Bil. 1/2017 pada 31 Mac 2017 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar;

b. Bil. 2/2017 pada 12 Oktober 2017 di Istana Kinta, Ipoh.

iv. Program *Team Building*

BDN & MMK telah mengadakan program *team building* pada 13 hingga 15 Oktober 2017 di Royal Belum, Gerik disertai seramai 30 orang. Objektif yang disasarkan adalah untuk :

- Membantu mencetuskan keinginan untuk melakukan tugasan dengan lebih efisien dan meningkatkan daya kreativiti serta disiplin diri dalam bidang kerjaya;
- Kombinasi antara aktiviti dalaman dan aktiviti fizikal yang lasak akan mampu membentuk semangat berpasukan dan juga mengembangkan bakat kepimpinan dalam diri peserta; dan
- Memfokuskan misi hidup dan juga *goal setting* sebagai pendekatan eksklusif membina momentum motivasi diri untuk lebih bertanggungjawab dalam kerjaya dan keluarga.

Sebahagian peserta program *team building* di Royal Belum, Gerik

2. UNIT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (MMK) DAN PINGAT

i. Prestasi Pengurusan MMK

Mesyuarat MMK telah diadakan sebanyak 41 kali sehingga 5 Disember 2017 dengan purata 3 kali sebulan. Sasaran kertas mesyuarat adalah sebanyak 1,800 kertas mesyuarat yang diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada tahun 2017. Sehubungan itu, sasaran tersebut telah berjaya dicapai yang mana sebanyak 2,128 kertas mesyuarat telah diangkat untuk mesyuarat MMK pada tahun ini sehingga 31 Disember 2017.

Berdasarkan keseluruhan kertas mesyuarat tersebut, sebanyak 1,695 kertas (79.65%) telah diluluskan. Manakala sebanyak 344 kertas (16.16%) ditolak, 40 kertas (1.88%) ditangguhkan dan 49 kertas (2.30%) ditarik balik.

Berikut adalah pecahan kertas mesyuarat mengikut jabatan/agensi:

BIL	JABATAN	JUMLAH KERTAS MESYUARAT YANG DIANGKAT	
		2016	2017
1.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	1,720	1,918
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak/Pejabat YB Penasihat Undang-undang Negeri Perak/Pejabat YB Kewangan Negeri Perak dan jabatan/agensi kerajaan yang lain	117	210
	JUMLAH	**1,837**	**2,128**

Berdasarkan jadual di atas berlaku peningkatan kepada bilangan kertas yang diangkat ke mesyuarat MMK pada tahun 2017 berbanding 2016 iaitu sebanyak 291 kertas (15.84%). Kertas mesyuarat dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri berlaku kenaikan sedikit daripada 1,720 kertas kepada 1,918 kertas. Manakala bagi lain-lain agensi berlaku peningkatan sedikit iaitu 117 pada tahun 2016 kepada 210 kertas pada tahun 2017.

ii. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan tidak menetapkan sasaran kerana ia bergantung pada perkenan DYMM Paduka Seri Sultan Perak.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang diadakan pada 5 November 2017, Baginda telah menganugerahkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri/Persekutuan, Swasta, Ahli-ahli Pertubuhan dan orang perseorangan. Bilangan penerima anugerah pada tahun 2017 berjumlah 331 penerima. Istiadat penganugerahan telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 5 November 2017 dan 11 November 2017.

3. UNIT DEWAN NEGERI

i. Prestasi Mesyuarat Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 4 hingga 11 April 2017, 8 Ogos 2017 dan 21 hingga 27 November 2017. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 4 April 2017. Secara keseluruhan sebanyak tiga puluh enam (36) surat Dewan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut yang merangkumi laporan-laporan dan penyata kewangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan/agensi-agensi kerajaan. Selain daripada itu, mesyuarat tersebut juga telah meluluskan satu (1) rang undang-undang dan lima (5) usul seperti berikut:

Rang Undang-Undang

i. Rang Undang-Undang Perbekalan 2018.

Usul-usul

i. Usul Menyembah Ucapan Tahniah serta Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;

ii. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak;

iii. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap;

iv. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan; dan

v. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan.

ii. Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel (CPA)

Pada 1 hingga 8 November 2017 Persidangan Parlimen Komanwel yang ke-63 telah dianjurkan oleh CPA Cawangan Bangladesh dan Parlimen Bangladesh di Dhaka, Bangladesh. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak telah menghadiri persidangan tersebut sebagai perwakilan cawangan Perak untuk memberikan sokongan penuh dan mengundi bagi sesi Pemilihan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif.

Persidangan Parlimen Komanwel yang berlangsung di Dhaka, Bangladesh

iii. Persidangan Speaker-speaker Parlimen Dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia

Dewan Undangan Negeri Selangor telah menganjurkan persidangan ini pada 12 hingga 14 Mei 2017 di Concorde Hotel, Shah Alam, Selangor. Persidangan ini telah dihadiri oleh Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha Dewan Negeri serta beberapa orang pegawai dari Bahagian ini.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Selangor berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian dengan disaksikan oleh YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Selangor, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia, Yang Dipertua Dewan Rakyat, YB Senator Dato' Sri SA. Vigneswaran, Yang Dipertua Dewan Negara dan YB Hannah Yeoh, Speaker Dewan Negeri Selangor.

Persidangan dilaksanakan sebagai wahana perkongsian ilmu selain menjadi platform untuk melaksanakan proses semak dan imbang dalam pengurusan pentadbiran serta memperkukuhkan peranan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi menerajui pengukuhan demokrasi negara.

Tumpuan persidangan tahun ini turut memfokuskan kepada pembentangan kertas kerja 'Transformasi Parlimen Ke Arah Memartabatkan Wadah Demokrasi' oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia.

Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua serta Setiausaha Dewan Negeri bagi Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia Bergambar bersama DYMM Sultan Selangor

a. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 8 Jun 2017 dan 12 Oktober 2017. Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

i. YB Dato' Mohd Tarmizi bin Idris
Pengerusi

ii. YB Dato'Abd. Manaf bin Hashim
Tim. Pengerusi

iii. YB Dato' Siti Salmah binti Mat Jusak
Ahli

iv. YB Dato' Zolkafly bin Harun
Ahli

v. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli

vi. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli

vii. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli

b. Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
Pengerusi

ii. YB Dato' Haji Mohamad Daud bin Haji Mohd Yusoff
Ahli

iii. YB Dato' Sham bin Mat Sahat
Ahli

iv. YB Dato Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli

v. YB Encik Abdullah Fauzi bin Ahmad Razali Ahli

vi. YB Encik Kesavan a/l Subramaniam
Ahli

vii. YB Encik Wong Kah Woh
Ahli

Mesyuarat jawatankuasa ini turut dihadiri oleh YB Penasihat Undang-undang Negeri Perak.

c. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
Pengerusi

ii. YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib
Ahli

iii. YB Encik Mohamad Kamil bin Shafie
Ahli

iv. YB Dato' Dr. Zabri bin Abd. Wahid
Ahli

v. YB Dato' Rashidi bin Ibrahim
Ahli

vi. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli

vii. YB Encik Ong Boon Piow
Ahli

d. Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 17 Mac 2017 dan 20 Julai 2017. Keanggotaan jawatankuasa seperti berikut:

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
Pengerusi

ii. YB Dato' Abdul Manaf bin Hashim
Ahli

iii. YB Datuk Aminuddin bin Md. Hanafiah
Ahli

iv. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Haron
Ahli

v. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin
Ahli

vi. YB Encik Mohamad Ziad bin Mohamed bin Zainal Abidin
Ahli

vii. YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin
Ahli

viii. YB Encik Nga Kor Ming
Ahli

ix. YB Encik Chang Lih Kang
Ahli

x. YB Encik Mohd Zawawi bin Abu Hassan
Ahli

iv. Jawatankuasa Lawatan Rasmi

a. Lawatan ke Dewan Rakyat

Pada 23 Januari 2017, Unit Dewan Negeri telah mengadakan lawatan ke Dewan Rakyat untuk mengetahui lebih lanjut perincian 'Persidangan Dalam Kamar' yang telah dilaksanakan di Dewan Rakyat dan juga prosiding pengurusan Dewan agar dapat berkongsi maklumat dan pengetahuan. Di samping itu juga, ingin melihat keadaan dan reka bentuk bangunan Dewan Rakyat sedia ada bagi perancangan pembinaan Dewan Negeri Perak yang baharu.

Delegasi yang terlibat dalam lawatan ke Dewan Rakyat

b. Lawatan ke Dewan Undangan Negeri Sarawak

Pada 12 hingga 14 Februari 2017, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak serta Unit Dewan Negeri telah mengadakan lawatan ke Dewan Undangan Negeri Sarawak. Tujuan lawatan adalah untuk melihat keadaan dan reka bentuk bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi cetusan idea dalam mereka bentuk bangunan baharu Dewan Negeri Perak.

Sebahagian Ahli Jawatankuasa, wakil Jabatan Teknikal dan Urus setia yang terlibat dalam lawatan kerja ke DUN Sarawak

4. UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMANTAUAN (UPP)

i. Analisa Soalan-soalan Mesyuarat Dewan Negeri

UPP telah melaksanakan kajian dan analisa soalan-soalan, perbahasan dan penggulungan Mesyuarat Dewan Negeri Perak. Selain daripada itu, turut bersama-sama Unit Dewan Negeri membantu beberapa perkara penyelarasan, sebelum, semasa dan selepas Mesyuarat Dewan Negeri.

ii. Kursus Pengupayaan

UPP juga telah memainkan peranan menganjurkan program untuk disertai seluruh warga kerja Bahagian. Pada tahun 2017, Kursus Pengupayaan telah dilaksanakan pada 27 Julai 2017 dengan kerjasama daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak yang bertemakan 'Pembudayaan Integriti Bahagian Dewan Negeri & MMK.'

iii. Lawatan Penyelidikan

Lawatan Penyelidikan ke Parlimen Malaysia (27.2.2017) dan Dewan Undangan Negeri Kelantan (24.9.2017) telah diadakan yang turut disertai oleh kakitangan Bahagian untuk mendapatkan gambaran secara langsung penambahbaikan yang boleh diaplikasikan di Bahagian.

iv. Program Penghubung Gerak Rakyat (Penggerak)

Penggerak 2017 telah diadakan sebanyak dua kali iaitu siri pertama pada 14 Jun 2017 dan siri kedua pada 30 Oktober 2017. Program ini mendukung objektif sebagai platform terbaik kepada pemimpin masyarakat bagi menyampaikan keperluan masyarakat.

v. Kajian Kesejahteraan Masyarakat

Kajian Kesejahteraan Masyarakat 2017 juga telah dilaksanakan pada 29 Ogos 2017. Satu kajian berterusan yang melibatkan semua daerah di seluruh Perak, berdasarkan tahap kesejahteraan masyarakat di Negeri Perak dengan fokus kepada golongan penerima bantuan daripada pelbagai agensi Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan. Pengumpulan maklumat-maklumat kajian adalah hasil daripada usaha sama Pengurus Projek di setiap daerah.

5. UNIT PENERANGAN DAN SEBARAN AM (UPS)

i. Program Wacana Bajet 2017 dan Program Ceramah Negaraku Sehati Sejiwa 2017 Negeri Perak

UPS di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan telah memainkan peranan sebagai di antara agen kerajaan bagi penyampaian dan pemasaran maklumat ke seluruh pelosok Negeri Perak. Antara kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

- Bermula Januari 2017 sebanyak 91 program Wacana Bajet 2017 telah dilaksanakan oleh UPS dengan kerjasama agensi-agensi strategik. Program ini dilaksanakan melalui Komuniti 1 Malaysia (K1M).

- Bagi mengukuhkan keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan Kerajaan sebanyak 400 program ceramah Negaraku Sehati Sejiwa 2017 Negeri Perak telah dirancang dan dilaksanakan melalui kerjasama agensi- agensi strategik.

Program Negaraku Sehati Sejiwa 2017 yang ke-45 di Dewan Kampung Kurnia, Bukit Pekan, Parlimen Kampar, DUN Tualang Sekah pada 28 September 2017

YB Dato'Saarani Bin Mohamad menyampaikan sumbangan kepada masyarakat yang hadir sempena Program Negaraku Sehati Sejiwa 2017 yang ke-63 di Dewan Serbaguna Kampung Changkat Petai, Parlimen Tapah, DUN Ayer Kuning pada 27 September 2017

Pada 17 Februari 2017 telah berlangsung Program Wacana Bajet 2017 di dewan orang ramai Sungai Tinggi, Daerah Larut, Matang dan Selama

Program Wacana Bajet di PDK Slim River, Daerah Batang Padang pada 19 Februari 2017

Istiadat Pembukaan Rasmi Penggal Kelima, Dewan Negeri Yang Ketiga Belas, Perak Darul Ridzuan

SUK

BAHAGIAN KORPORAT

11

Bahagian **Korporat**

ADUAN AWAM & KHIDMAT PELANGGAN

Unit Khidmat Pelanggan dan Aduan Awam, Bahagian Korporat dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aduan awam di Negeri Perak. Ia diwujudkan atas dasar kesedaran terhadap kepentingan aduan sebagai salah satu medium untuk komunikasi di antara rakyat dan pihak Kerajaan serta peranan aduan dalam membantu menambah baik mutu perkhidmatan. Rakyat kini tahu dan mengambil maklum mengenai saluran-saluran untuk menyuarakan masalah mereka dan saluran untuk mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem dan kemudahan sedia ada seterusnya menyalurkannya dalam bentuk aduan.

Saluran Aduan

Bahagian Korporat menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan seperti berikut:

- Elektronik (e-mel, portal dan sistem aduan);
- Surat, Faks & Borang Kaunter Aduan Jabatan;
- Telefon;
- Laman Sosial (Facebook); dan
- Hadir sendiri ke Bahagian Korporat.

Bahagian Korporat juga turut mengambil kira aduan melalui surat khabar untuk dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi mendapatkan maklum balas yang diperlukan. Aduan yang diterima akan diselidik dan dihantar segera kepada jabatan/agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas dan tindakan.

Aduan Surat Khabar bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017



Kategori Aduan

Analisa aduan dibuat mengikut 9 kategori seperti berikut:

1. Kelewatan atau Tiada Tindakan;
2. Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan;
3. Tindakan Tidak Adil;
4. Kegagalan Penguatkuasaan;
5. Kekurangan Kemudahan Awam;
6. Kegagalan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan;
7. Salah Laku Anggota Awam;
8. Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang; dan
9. Salah Guna Kuasa/Penyelewengan.

Aduan yang diterima akan diselidik dan dihantar kepada jabatan/agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas dan tindakan.

Di antara sembilan (9) kategori tersebut, lima (5) kategori yang mencatat aduan tertinggi serta isu-isu yang berbangkit dibawah kategori tersebut adalah seperti Rajah II berikut:

Kategori Utama Aduan
bagi Tahun 2017



Sepanjang tahun 2017, Bahagian Korporat telah menerima sebanyak 63 aduan. Sejumlah 1 (2%) aduan ini adalah terhadap Pejabat SUK Perak, 12 (19%) aduan terhadap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), 33 (52%) aduan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) manakala selebihnya, iaitu 17 (27%) aduan adalah terhadap jabatan/agensi lain. Sejumlah 61 (97%) aduan ini telah dapat diselesaikan. Maklumat ringkas penerimaan dan penyelesaian aduan ini adalah seperti di Rajah I.

Rajah I: Jumlah Aduan yang Diterima dan Diselesaikan bagi Tahun 2017



Trend Aduan Yang Diterima Dan Diselesaikan Bagi Tempoh 3 Tahun

Maklumat jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan bagi tempoh 3 tahun (2015, 2016, 2017) adalah seperti di Jadual I. Berdasarkan jadual berkenaan, jumlah penerimaan aduan didapati menurun dibandingkan dari tahun 2015 hingga 2016. Jumlah peratus penyelesaian aduan adalah konsisten antara 3 tahun ini iaitu dalam lingkungan 95% dan ke atas.

TAHUN	TERIMA	DALAM TINDAKAN (%)	SELESAI (%)
2015	103	4 (3.88%)	99 (96.12%)
2016	90	4 (4.44%)	86 (95.55%)
2017	63	2 (3.17%)	61 (96.83%)

Di antara langkah penambahbaikan yang dibuat ialah susulan melalui panggilan telefon. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada tindakan pembetulan dan pencegahan terhadap sesuatu aduan yang diterima untuk mencegah aduan tersebut dari berulang. Adalah diharapkan supaya kepuasan hati pelanggan dapat ditingkatkan dan menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan seterusnya meningkatkan imej organisasi dan perkhidmatan awam keseluruhannya.

Penerbitan Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Bahagian Korporat telah menerbitkan Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 pada bulan Mac 2017. Laporan tahunan ini mengandungi maklumat mengenai aktiviti, tugas dan prestasi *output* sepanjang tahun 2016 bagi 11 bahagian dibawah Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Maklumat yang diperoleh dari Bahagian-Bahagian akan dikumpulkan dan disunting supaya selaras dengan kehendak format laporan tahunan.

Penerbitan Buletin SUK

Pada tahun 2016, Bahagian Korporat telah menerbitkan 3 edisi Buletin SUK. Berita yang dipaparkan adalah berkaitan pentadbiran di Negeri Perak terutama di bawah pimpinan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Ia bertujuan untuk memaklumkan agenda kerajaan dan jabatan kepada rakyat. Bahagian Korporat mengedarkan buletin tersebut ke semua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan juga turut diedarkan kepada orang ramai yang datang berurusan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Menyediakan Berita, Informasi Kerajaan Negeri Perak dan Penyelarasan Sidang Media

Tugas Bahagian Korporat juga adalah membuat liputan berita semua acara-acara rasmi Kerajaan Negeri. Berita-berita ini kemudiannya akan dimuat naik ke dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak untuk dihebahkan kepada orang ramai.

Selain hebahan berita Kerajaan Negeri, Bahagian ini juga berperanan untuk melaksanakan penerangan dan informasi berkaitan Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Korporat akan menyelaraskan sidang akhbar antara Jabatan Penerangan dan pihak media jika sesuatu acara rasmi itu memerlukan sidang media.

Bahagian ini juga menjadi pentadbir bagi *Facebook* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. *Facebook* ini merupakan salah satu cara Kerajaan Negeri untuk menghebahkan program-program serta maklumat yang berkaitan Kerajaan Negeri Perak.

Laman sesawang *FACEBOOK* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
https://www.facebook.com/Pejabat-Setiausaha-Kerajaan-Negeri-Perak



Peristiwa-Peristiwa Penting

Bahagian Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan maklumat peristiwa-peristiwa penting jabatan / agensi negeri dan persekutuan untuk dimuatkan di dalam Portal Rasmi Negeri Perak. Ia adalah bertujuan untuk menyampaikan atau memberi maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh jabatan / agensi untuk pengetahuan orang ramai. Peristiwa-peristiwa penting ini, antara lain:

a. Melibatkan pembesar / orang kenamaan, sama ada kerajaan Negeri atau Persekutuan;
b. Lawatan rasmi, majlis perasmian, majlis keraian rasmi dan sebagainya yang melibatkan kehadiran pegawai Kanan Kerajaan Negeri atau Persekutuan;
c. Sukan, expo, pameran, seminar, bengkel dan sebagainya yang memerlukan kehadiran dan penglibatan orang ramai;
d. Lain-lain maklumat yang perlu disebarkan kepada orang ramai.

Program Lawatan Ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Bahagian Korporat juga turut mengendalikan lawatan daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Terengganu pada 28 November 2017. Seramai 60 orang kakitangan KEMAS Terengganu menyertai lawatan tersebut. Rombongan telah dibawa melawat Dewan Undangan Negeri dan diberikan taklimat oleh Bahagian DUN & MMK mengenai keseluruhan perjalanan dewan.

Perlawanan Persahabatan Badminton SUK Korporat Dan Korporat MOSTI

Bahagian Korporat juga turut mengadakan Perlawanan Persahabatan Badminton antara Korporat SUK dan Korporat MOSTI pada 22 Mac 2017 yang telah berlangsung di Dewan Badminton Bangunan Perak Darul Ridzuan. Perlawanan persahabatan tersebut diadakan bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan korporat SUK dan juga MOSTI.

Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pejabat SUK

Bahagian Korporat juga menjadi urusetia induk bagi Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Tahun 2017 yang diadakan pada 10 Julai 2017 bertempat di Dewan Bankuet SUK Perak.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd Kadir dan isteri, YABhg. Datin Seri DiRaja Saripah, EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Perak, Ketua-ketua jabatan negeri, persekutuan dan media.

Pertandingan Tenpin Bowling Antara Pasukan YB SUK Dan Media Perak

Pertandingan Tenpin Bowling tersebut diadakan pada 12 Disember 2017 bertempat di Super Bowl Kinta City, Ipoh yang disertai oleh 80 orang terdiri daripada ketua-ketua jabatan negeri dan juga Media Negeri Perak. Pertandingan tersebut turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Haji Mohd Ghazali Bin Jalal, Datuk Bandar Ipoh, YBhg. Dato' Zamri Bin Man dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Abu Bakar Bin Haji Said.

Retreat Dan Program *Team Building*

Bahagian Korporat telah menganjurkan *Retreat* dan Program *Team Building* di *Felda Residence Hot Spring* Sg.Klah pada 5 – 6 Mei 2017. Progam ini dapat membentuk individu yang berketerampilan dan berkeyakinan tinggi, dengan menyerlahkan imej korporat dan perhubungan pelanggan yang berkesan serta menyerlahkan kemahiran sosial serta imej diri agar lebih berkeyakinan dan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi.

Sidang Media

Bahagian Koporat juga bertanggungjawab dalam menguruskan sidang media YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Antara sidang media yang diuruskan oleh Bahagian Korporat adalah sidang media sempena Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan sidang media sempena Sidang Dewan Negeri yang dianjurkan sebanyak 3 kali setahun.

GAZALI

SUK

BAHAGIAN
AUDIT DALAM

12

Bahagian **Audit Dalaman**

1. AKTIVITI-AKTIVITI UNIT DALAM BAHAGIAN

1.1 Pengauditan Bahagian Audit Dalam

BIL	JENIS PENGAUDITAN	TAJUK AUDITAN	PTJ YANG DIAUDIT
1.	Pengurusan Kewangan	Pengurusan Kewangan Aset	Majlis Daerah Lenggong
2.	Perolehan	Pengurusan Perolehan	Pejabat Daerah Dan Tanah Kampong Gajah
3.	Perolehan	Pengurusan Perolehan	Jabatan Pertanian Negeri Perak
4.	Prestasi	Pengurusan Pelupusan Aset JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak
5.	Prestasi	Pengurusan Penyelenggaraan Kenderaan Pejabat SUK	Bahagian Khidmat Pengurusan, SUK Perak
6.	Prestasi	MARRIS	PDT Seri Iskandar dan Majlis Perbandaran Manjung
7.	ICT	Keselamatan ICT	Majlis Perbandaran Manjung
8.	Lain-lain pengauditan	Prestasi Kehadiran Pegawai dan Anggota	Majlis Daerah Selama PDT Perak Tengah Pejabat Kebajikan Masyarakat Manjung Bah Pengurusan Maklumat, PSUK Bah Pengurusan Sumber Manusia, PSUK Bah Khidmat Pengurusan, PSUK Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak Bahagian Korporat Bahagian DN dan MMK
9.	Susulan	Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
10.	Susulan	Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Manjung
11.	Susulan	Pengurusan Kenderaan	Majlis Daerah Tapah dan Majlis Daerah Tanjong Malim
12.	Susulan	Pengurusan Perolehan	Bahagian Pengurusan Maklumat, SUK Perak
13.	Susulan	Pengurusan Projek Luar Bandar	PDT Gerik/PDT Lenggong
14.	Pemantauan Penyata Kewangan	Penyata Kewangan 2016	Bahagian Khidmat Pengurusan
15.	Pemantauan Penyata Kewangan	Penyata Kewangan 2016	Majlis Sukan Negeri
16.	Pemantauan Penyata Kewangan	Penyata Kewangan 2016	Perbadanan Taman Negeri

1.2 Verifikasi Aset Kerajaan Negeri Perak

Bahagian Audit Dalam dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan / verifikasi baki awal aset Kerajaan Negeri bagi tujuan perlaksanaan sistem perakaunan akruan yang melibatkan kategori aset seperti berikut:

BIL	PERKARA	BIL	PERKARA
1.	Tanah	8.	Akaun Belum Terima
2.	Bangunan, Kerja dan Infrastruktur	9.	Inventori
3.	Aset Dalam Pembinaan	10.	Pinjaman
4.	Peralatan	11.	Akaun Belum Bayar
5.	Aset Tak Ketara	12.	Manfaat Pekerja
6.	Pelaburan	13.	Akaun Amanah Awam
7.	Agrikultur	14.	Akaun Amanah Kerajaan

1.3 Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2017	23 Januari 2017 (Isnin) Bilik Mesyuarat Utama, Aras 12, Blok Tengah Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Putrajaya
2.	Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 2 Tahun 2017	30 Mei 2017 (Rabu) Bilik Mesyuarat Utama, Aras 12, Blok Tengah Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Putrajaya
3.	Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 3 Tahun 2017	28 November 2017 (Selasa) Bilik Mesyuarat Utama, Aras 12, Blok Tengah Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Putrajaya

1.4 Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai Bahagian Audit Dalam

Bahagian Audit Dalam sentiasa berusaha untuk menghasilkan hasil kerja yang berkualiti selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam dan *International Auditing Guidelines* (IAG). Anggota Bahagian Audit Dalam digalakkan untuk meningkatkan pengetahuan dan teknik pengauditan melalui bahan bacaan, menghadiri kursus, taklimat dan seminar yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi menghasilkan laporan yang berkualiti. Kursus yang telah dihadiri oleh anggota Bahagian Audit Dalam adalah seperti berikut :

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH
1.	*Public Sector Internal Audit Conference 2017*	Connexion Conference And Events Centre@ Nexus	23 Januari 2017 hingga 24 Januari 2017
2.	Seminar Kebangsaan Pengurusan Audit 2017 *"Strengthening Internal Auditors, Creating Values And Knowledge"*	HIG Hotel, Langkawi	3 Mei 2017 hingga 5 Mei 2017
3.	Persidangan Setiausaha Kerajaan Negeri Mengenai Isu-Isu Laporan Ketua Audit Negara	Amanjaya Convention Centre, Hotel Casuarina@ Meru Ipoh	17 Julai 2017 hingga 18 Julai 2017
4.	Kursus *Blue Ocean Strategy (BOS) Online* Dalam Perkhidmatan Awam Tahun 2017	Dewan Makan ADUN, PSUK Perak	15 Ogos 2017 hingga 17 Ogos 2017
5.	Bengkel Penambaikan Penguatkuasaan Pelesenan Caj Air Negeri Perak	Hotel Symphony Suites, Ipoh	30 Oktober 2017 hingga 31 Oktober 2017
6.	Seminar SKIM Pensijilan ISO 37001:2016 Pengurusan Anti Rasuah	Hotel Holiday Inn, Melaka	11 Sept 2017 hingga 12 Sept 2017
7.	Persidangan MIA 2017	KL Convention Centre	7 Nov 2017 hingga 8 Nov 2017

1.5 Latihan/Bengkel Yang Dianjurkan Oleh Bahagian Audit Dalam

Disamping menghadiri latihan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, Bahagian Audit Dalam (BAD) juga telah menganjurkan latihan/bengkel dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak yang telah dijemput untuk menyertai latihan tersebut.

BIL.	NAMA KURSUS/ BENGKEL	TEMPAT	TARIKH
1.	Bengkel Penyediaan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Tahun 2017	Bilik Mesyuarat Korporat, Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan	17 Januari 2017
2.	Mesyuarat Indeks Akauntabiliti (AI) dan Perlaksanaan Sistem MYAUDIT Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak.	Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan	2 Mei 2017
3.	Taklimat Perlaksanaan Sistem Pengauditan Secara Online, 'MYAUDIT' oleh Pejabat Unit Audit Dalam dan Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.	Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	15 November 2017
4.	Taklimat Perluasan Pelaksanaan Sistem Penarafan Pengurusan Kewangan (Sistem MYAUDIT) ke Jabatan Negeri Perak	Bilik Mesyuarat Utama Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan	5 Disember 2017

1.6 Kunjungan/Lawatan Dari Dan Ke UAD Negeri Lain

BIL.	KUNJUNGAN/LAWATAN	TARIKH
1.	Lawatan Ketua-ketua Audit Dalam Negeri ke Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	22 Ogos 2017
2.	Program Peningkatan Kerjaya dan Lawatan Sambil Belajar Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah ke Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	20 September 2017

1.7 Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Tahun 2017

1.7.1 Penubuhan dan Keahlian Jawatankuasa Audit

1.7.2 Tarikh-Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Audit Negeri Tahun 2017

BIL	MESYUARAT	TARIKH
1.	Jawatankuasa Audit Bil. 1 2017	3 April 2017
2.	Jawatankuasa Audit Bil. 2 2017	10 Julai 2017
3.	Jawatankuasa Audit Bil. 3 2017	11 Oktober 2017
4.	Jawatankuasa Audit Bil. 4 2017	Januari 2018

1.8 Mesyuarat Tindakan Susulan *Dashboard* Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Tindakan Susulan *Dashboard* Bil. 1	8 Mac 2017
2.	Tindakan Susulan *Dashboard* Bil. 2	19 April 2017
3.	Taklimat Sistem *Ag's Dashboard* Laporan Ketua Audit Negara	17 Ogos 2017
4.	Tindakan Susulan *Dashboard* Bil. 3	25 Ogos 2017
5.	Tindakan Susulan *Dashboard* Bil.4	14 November 2017

PROGRAM PENINGKATAN KERJAYA DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR
UNIT AUDIT DALAM PEJABAT SUK NEGERI KEDAH

Bengkel penyediaan rancangan tahunan dan laporan tahunan Unit Audit Dalam tahun 2017

Lawatan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Taklimat Perlaksanaan Sistem Pengauditan Secara *Online*, 'Myaudit' oleh UAD Pejabat SUK Negeri Perak di UAD Pejabat SUK Negeri Kedah

KUALA LUMPUR 2017
SUKAN SEA KE-29
MAJLIS PENYAMPAIA
SKIM INSENTIF
KEMENANGAN
INSENTIF
KEMENANGAN
SUKAN PARA MEMANAH
RM 10,000.00

SUK

MAJLIS SUKAN NEGERI

laporan tahunan 2017 PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN

13

Majlis **Sukan Negeri**

i. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

- Merancang, menyelaras dan mengurus segala aspek berkaitan sumber manusia.
- Menilai, menyelaras dan mengurus keperluan teknologi maklumat di peringkat jabatan secara menyeluruh selaras dengan perkembangan semasa.
- Memastikan perancangan strategik jabatan dilaksanakan dengan efektif bagi menjayakan visi jabatan khususnya dari kerajaan negeri amnya.
- Mengoptimumkan jalinan hubungan dan kerjasama dengan agensi-agensi pelaksana peringkat negeri bagi memastikan program yang berkaitan dengan sukan dilaksanakan seiring dengan keperluan persatuan aspirasi sukan nasional.
- Merancang dan mengurus hal ehwal kewangan yang berkaitan dengan fungsi jabatan.
- Mengurus hal ehwal kebajikan kakitangan jabatan.
- Mengurus persediaan tadbir urus kewangan bagi tujuan auditan.

ii. BAHAGIAN PEMBANGUNAN ATLET (BPA)

- Membantu penyediaan peralatan dan kemudahan sukan dan pemantauan kepada pusat yang menerima bantuan peralatan.
- Menyelaras program sukan prestasi tinggi besama-sama Persatuan Sukan (PS) pemegang taruh MSN dan utama JPN, MOM, ISN dan PS.
- Merancang dan menyelaras program pembangunan latihan atlet dari peringkat Bakat, Pelapis hingga ke Senior bagi melayakkan ke Program Podium.
- Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan program latihan prestasi tinggi atlet ke arah temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dan kejohanan kebangsaan.
- Melaksanakan jalinan kerjasama dengan badan serta agensi dalam dan luar negara bagi menambahbaik pelaksanaan program latihan atlet prestasi tinggi.
- Menyelaras dalam menguruskan perlantikan baru, perlanjutan, kenaikan gaji dan penamatan khidmat jurulatih, gaji jurulatih, penamatan khidmat jurulatih serta perkara berkaitan hal ehwal jurulatih.

iii. BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN (BPGS)

- Memastikan pelaksanaan Majlis Penyampaian Insentif SUKMA bagi atlet, jurulatih dan pengurus disempunakan.
- Memberi perhatian dan kebajikan kepada atlet serta menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi.
- Menyelaras, merancang, melaksanakan dan memberi khidmat nasihat kepada negeri tuan rumah dalam pengelolaan Sukan Malaysia.
- Menyelaras dan membantu Persatuan Sukan Kebangsaan atau organisasi berkaitan mengelolakan Kejohanan Peringkat kebangsaan dan remaja kebangsaan.

- Menyelaras dan menjalin hubungan dua hala di antara negara dan agensi sukan luar negara melalui "Memorandum of Understanding" bagi tujuan pembangunan sukan negara.

- Menyelaras, melaksanakan dan menguruskan bantuan pentadbiran, pelantikan pegawai pentadbiran dan pemantauan bersepadu PSK.

- Merancang, melaksana dan menyelaras Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan.

- Merancang, menyelaras, mengurus dan memantau kebajikan serta hal ehwal atlet.

iv. PEMBANGUNAN SUKAN (BPS)

- Merancang dan menyelaras program sukan prestasi tinggi bersama-sama Persatuan Sukan (PS), MSN dan pemegang taruh utama iaitu JPN, MOM, ISN.

Jumlah Jurulatih
Majlis Sukan Negeri Perak



- Mencari bakat-bakat baru yang berpotensi di setiap daerah untuk diserapkan ke dalam program pembangunan sukan Negeri Perak

- Pemantauan terhadap pusat latihan bagi sukan-sukan pilihan

- Merancang program/aktiviti pembangunan seperti kem-kem latihan pusat, motovasi dan bina semangat serta penganjuran kejohanan dalaman.

- Merancang, melaksana, memantau dan menggalakkan pengembangan sukan diperingkat akar umbi melalui program Bakat.

Bilangan Atlet di bawah
Majlis Sukan Negeri Perak



Program-Program **Majlis Sukan Negeri Perak**

1. MAJLIS ANUGERAH SUKAN NEGERI PERAK 2015/2016

Majlis Anugerah Sukan Negeri Perak telah diadakan pada 19 Mei 2017 di Hotel Casuarina@Meru yang telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Berikut adalah ringkasan pemenang pada malam anugerah tersebut:

BIL.	NAMA PEMENANG	ANUGERAH	NILAI (RM)
1.	Muhamad Hakimi Bin Ismail	Olahragawan	7,000
2.	Cheong Jun Hoong	Olahragawati	7,000
3.	Ahmad Khusyairi bin Abdul Razak	Olahragawan Harapan	3,000
4.	Nor Eewan Syafiqah bt Mohd Sabri	Olahragawati Harapan	3,000
5.	Chow Chew Chun	Jasamu Dikenang	2,000
6.	Pasukan Terbaik	Pasukan Ragbi Perak	7,000
7.	Saiful Nawab bin Sabran	Media	2,000
8.	Badrul Hamidi bin Gam	Keluarga Sukan	2,000
9.	Jayabalan a/l Karuppiah	Jurulatih Terbaik	2,000
10.	Tang Choo Mong	Kepimpinan Sukan	2,000
11.	Pasukan Bola Sepak Lelaki SUKMA	Anugerah Khas Kecemerlangan	5,000
12.	Pasukan Olahraga 4x100m (Wanita) SUKMA Sarawak 2016		5,000

2. PROGRAM PODIUM PERAK (P3)

Program ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan pada 28 Mac 2017, bertempat di Casuarina Meru.

Program ini merupakan program persediaan atlet elit prestasi tinggi Negeri Perak dengan objektif keseluruhan untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Pemilihan atlet yang lebih teliti berdasarkan kriteria pemenang pingat di SUKMA 2016 dan prestasi pasukan di ranking 3 terbaik di kejohanan kebangsaan atau remaja kebangsaan. Buat masa ini seramai 67 atlet di dalam P3 menerima pelbagai fokus khas bagi membolehkan mereka untuk mengekalkan prestasi dan kualiti dalam sukan masing-masing.

Fokus utama P3 ini adalah menyediakan ekosistem atlet berprestasi tinggi yang terdiri daripada 6 komponen utama.

i. Penyediaan Kemudahan Latihan
ii. Kejurulatihan
iii. Pendedahan Kejohanan
iv. Aplikasi Sains Sukan
v. Insentif
vi. Rakan Strategik

Kriteria Pemilihan Atlet di bawah Program Podium Perak (P3) 2018

PROGRAM PODIUM PERAK

INDIVIDU

Pemenang Pingat SUKMA 2016 & masih layak ke SUKMA 2018

- Ranking 3 terbaik Kejohanan Remaja Kebangsaan/Kebangsaan
- Mencapai pencapaian peringkat separuh akhir mengikut sukan

Atlet Individu berpotensi memenangi pingat berdasarkan berdasarkan catatan masa/ jarak/angkatan

BERPASUKAN

Pasukan/Atlet yang menang Pingat SUKMA 2016 serta masih layak ke SUKMA 2018

Ranking 4 pasukan terbaik kejohanan Remaja Kebangsaan/ Kebangsaan

Pasukan berpotensi memenangi pingat

3. KURSUS PEMANTAPAN KERJA BERPASUKAN BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK DAN JAWATANKUASA PENGANJURAN SUKMA 2018

Kursus ini di bawah penganjuran khas Bahagian Sumber Manusia, SUK yang diadakan pada 25-27 Oktober 2017 di Akademi Tentera Udara, Ipoh adalah bagi mengeratkan lagi hubungan dikalangan kakitangan, unit-unit di bawah MSNPk, Sekretariat SUKMA dan penyelaras infra di yang berjumlah lebih kurang 70 kakitangan. Kursus ini turut disertai oleh Y.Brs Dr. Benderil bin Dasril (Pengarah MSNPk), Tuan Haji Musa bin Dun, Pengurus Sekretariat SUKMA 2018 dan Puan Ir. Nasfizah binti Mokhtar (Ketua Unit Infrastruktur dan Kemudahan).

4. MAJLIS PENYAMPAIAN SKIM INSENTIF KEMENANGAN ATLET NEGERI PERAK & PROGRAM SATU PINGAT, SATU POKOK SUKAN SEA DAN PARA ASEAN KL 2017

Majlis meraikan atlet Sukan SEA dan atlet Para ASEAN, Kuala Lumpur 2017 ini telah diadakan pada 15 Disember 2017 dan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim telah berkenan berangkat merasmikan program ini.

Pencapaian yang disumbangkan oleh atlet Negeri Perak adalah sebanyak 21 pingat emas, 9 perak dan 8 gangsa daripada jumlah keseluruhan 323 pingat yang dimenangi oleh Kontinjen Sukan SEA Malaysia. Begitu juga pencapaian atlet para di Sukan Para ASEAN yang menyumbang 11 pingat emas, 7 perak dan 9 gangsa daripada 258 jumlah keseluruhan pingat yang diraih kontinjen Malaysia di kejohanan tersebut.

5. PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DI MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	LATIHAN PUSAT KITA JUARA 2018 SIRI1/2017	13 - 17 MAC 2017	MSN PERAK	300 ATLET
2.	PENGLIBATAN ATLET DALAM PROGRAM HARI SUKAN NEGARA	14 - 15 OKTOBER 2017	SEKITAR IPOH	200 ATLET
3.	LATIHAN PUSAT KITA JUARA 2018 SIRI2/2017	1 - 12 DISEMBER 2017	MSN PERAK	400 ATLET
4.	LAWATAN ATLET KE ZOO TAIPING	12 DISEMBER 2017	TAIPING	184 ATLET 10 URUSETIA
5.	BENGKEL KECEDERAAN SUKAN DAN PERIODISASI SUKAN	12 - 13 DISEMBER 2017	HOTEL M ROOF	65 PENGURUS/ JURULATIH
6.	KEM MOTIVASI KITA JUARA 2018	13 - 16 DISEMBER 2017	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) BANGI	205 ATLET

Anugerah Sukan **Negeri Perak Darul Ridzuan**

Rojak buah

SUK

LEMBAGA
MUZIUM NEGERI PERAK

Lembaga **Muzium Negeri Perak**

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2017

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun 2017 telah diadakan pada 15 Mei sehingga 20 Mei 2017 di Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu. Jawatankuasa Penasihat Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM Advisory Committee) telah menetapkan tema perayaan Hari Muzium Antarabangsa iaitu *"Museums and Contested Histories : Saying The Unspeakable in Museums"* / "Muzium dan Pertikaian Sejarah : Mengungkapkan Yang Tersirat". Tema ini mengajak masyarakat melihat dan mengamati sejarah yang diperdebatkan dari pelbagai perspektif dalam kerangka yang lebih luas serta tidak bersandarkan kepada kefahaman sempit dan terbatas. Pada tahun ini, Lembaga Muzium Negeri Perak telah menghantar seramai dua puluh (20) orang pegawai dan kakitangan untuk turut serta dalam meraikan Hari Muzium Antarabangsa.

Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan

Senarai Aktiviti Tahun 2017

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak Bil. 1/2017	4 Januari
2.	Penggambaran Rancangan *Travelog* Siaran TV RTM	20 Februari
3.	Program *Corporate Social* (CSR) Kompleks Sejarah Pasir Salak Sempena Permukiman YAB Menteri Besar Perak	8 Mac
4.	Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak Bil. 2/2017	17 Mac
5.	Kempen Perak Yang Bersih	31 Mac 2017
6.	Penggambaran Untuk Program Dokumentari RTM	4 Mei 2017
7.	Kayuhan Muzium-Muzium Negeri Perak	6-7 Mei

8.	Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2017	15-25 Mei
9.	Majlis Gotong Royong Penyediaan Bubur Lambuk Warga Bangunan Perak Darul Ridzuan Bersempena Ramadhan 1438 Hijrah Tahun 2017	13 Jun
10.	Pertandingan Memasak Bubur Lambuk Wow dan Pertandingan Menganyam dan Memasak Ketupat Tahun 2017	17 Jun
11.	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	10 Julai
12.	Majlis Rumah Terbuka Aidifiltri Lembaga Muzium Negeri Perak dan Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak Bil. 3/2017	13 Julai
13.	Pertandingan Melukis dan Mewarna Pior Art & Engine 2, Bengkel dan Demonstrasi Ikatan Samping dan Tengkolok Perak Serta Menganyam Ketupat Sempena *Perak Festival of Ideas – Pangkor Dialogue 2017* di Dataran Amanjaya, Ipoh Perak.	10 September
14.	Program Bermalam di Muzium	15-16 September
15.	Lawatan Kerja Lembaga Muzium Negeri Perak bersama Pejabat Kewangan Negeri Perak dan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak ke Galeri Sultan Abdul Aziz, Istana Alam Shah dan Muzium Istana Lama Seri Menanti	27 September
16.	Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak Bil. 4/2017	8 Oktober
17.	Program Permukiman Menteri Besar di Daerah Manjung	25 Oktober
18.	Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran Muzium DiRaja Kuala Kangsar	27 Oktober

Bengkel / Seminar Tahun 2017

BIL	PERKARA	TEMPAT	TARIKH
1.	Bengkel Pemuliharaan Gambar Bersejarah	Galeri Sultan Azlan Shah	18-20 September
2.	Kursus Pemuliharaan Barangan Kulit	Galeri Sultan Azlan Shah	1-2 November
3.	Kursus Perlupusan Rekod Kewangan	Muzium Darul Ridzuan	30 November

Pameran Sementara Tahun 2017

BIL	PERKARA	TEMPAT	TARIKH
1.	Pameran Tokoh-tokoh Negeri Perak sempena Permukiman Menteri Besar di Daerah Kuala Kangsar	Kampung Paya Lintah, Padang Rengas	18 Mei
2.	Pameran Basikal Klasik	Muzium Darul Ridzuan	2 Mei-30 Jun
3.	Pameran Sejarah Kedatangan Kaum Mandailing sempena Permukiman Menteri Besar di Daerah Muallim	Lata Sungai Bil, Slim River	18-20 Julai

Senarai Lawatan Tetamu Kenamaan Tahun 2017

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Lawatan Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Malaysia	7 Februari
2.	Lawatan Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	22 Julai
3.	Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	1 Februari
4.	Lawatan Gen. Somphoch Ngerncharoen, Naib Presiden Persatuan Hoki Thailand	13 April
5.	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah sempena Majlis Penyampaian Kurniaan Yayasan Sultan Azlan Shah	19 Ogos
6.	Lawatan Delegasi ASEAN *Senior Officials Meeting of Minerals* (ASOMM)	28 September
7.	Lawatan Tan Sri Dr. Surin Pitsuwan, Former Secretary-General ASEAN	20 November

Jumlah Kedatangan Pelawat Lembaga Muzium Negeri Perak
Tahun 2015 - 2017 (Oktober 2017)



Senarai **Aktiviti Tahun 2017**

Program *Corporate Social* (CSR) Kompleks Sejarah Pasir Salak sempena Permukiman YAB Menteri Besar Perak

Kayuhan Muzium-Muzium Negeri Perak

Majlis Gotong Royong Penyediaan Bubur Lambuk Warga Bangunan Perak Darul Ridzuan Tahun 2017

Pertandingan Memasak Bubur Lambuk Wow dan Pertandingan Menganyam dan Memasak Ketupat Tahun 2017

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Majlis Rumah Terbuka Aidifiltri Lembaga Muzium Negeri Perak dan Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak Bil. 3/2017

Pertandingan Melukis dan Mewarna Pior *Art & Engine 2*, Bengkel dan Demonstrasi Ikatan Sampin dan Tengkolok Perak serta Menganyam Ketupat sempena *Perak Festival of Ideas – Pangkor Dialogue 2017* di Dataran Amanjaya, Ipoh Perak

Program Bermalam di Muzium



Program Permukiman Menteri Besar di Daerah Manjung

Bengkel/Seminar

Bengkel Pemuliharaan Gambar Bersejarah

Kursus Pelupusan Rekod Kewangan

Muzium Darul Ridzuan

Kompleks Sejarah Pasir Salak

Pameran Basikal Klasik

Pameran Tokoh-tokoh Negeri Perak sempena Permukiman Menteri Besar di Daerah Kuala Kangsar

Pameran Sejarah Kedatangan Kaum Mandailing sempena Per mukiman Menteri Besar di Daerah Muallim

Lawatan Tetamu **Kenamaan**

Galeri Sultan Azlan Shah

Majlis Penyampaian Kurniaan Yayasan Sultan Azlan Shah

Lawatan Gen. Somphoch Ngerncharoen,
Naib Presiden Persatuan Hoki Thailand

Lawatan Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Malaysia



Lawatan Tan Sri Dr. Surin Pitsuwan,
Former Secretary-General ASEAN

Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia

SUK

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK

laporan tahunan 2017 PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN

08

Lembaga **Perumahan dan Hartanah Perak**

A. PENCAPAIAN PEMBANGUNANPERUMAHAN

1. Program Perumahan Rakyat (PPR), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Terdapat 3 projek rumah PPR, JPN, KPKT yang sedang dibina di Negeri Perak. 99 unit rumah PPR yang mula dibina pada 2015 di Bandar Universiti Sri Iskandar, Daerah Perak Tengah telah siap. 260 unit di Kamunting, Daerah Larut Matang Selama dan Taiping dan 500 unit di Rungkup (Water City) sedang dalam pembinaan. Dijangka kedua-dua projek akan siap dibina pada 2019. Ketiga-tiga projek PPR ini menggunakan peruntukan daripada KPKT dan akan dijual pada golongan B40.

PPR di Bandar Universiti Sri Iskandar

2. Program Perumahan Rakyat (PPR), Kerajaan Negeri Perak

112 unit rumah PPR jenis teres setingkat sedang dibina oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak di Jelapang, Daerah Kinta. Projek ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi menangani masalah setinggan di kawasan Jelapang. Projek ini telah bermula pada tahun 2016 dan dijangka siap pada tahun 2018.

PPR Jelapang sedang dalam pembinaan

3. Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Pulau Pangkor

178 unit rumah Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Pulau Pangkor telah mula dibina mulai 27 Januari 2014 dan telah siap sepenuhnya pada Oktober 2017. Projek ini terbahagi kepada 2 lokasi iaitu di Teluk Baru dan di Pasir Bogak. Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).

PSN Teluk Baru

PSN Pasir Bogak

4. Rumah *MyBNHOME*

Rumah *MyBNHOME* adalah projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) diantara Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). 50 unit rumah telah siap dibina di Lekir, Daerah Manjung. Rumah *MyBNHOME* ini akan dijual pada harga RM20,000.00 khusus untuk golongan B40.

Rumah MyBNHOME di Lekir

5. Program Khas Perumahan Perwira Negeri Perak (PKPPNP)

Matlamat Kerajaan Negeri membina rumah PKPPNP adalah untuk menyediakan rumah mampu milik khusus untuk bekas anggota dan anggota yang sedang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Sehingga kini, 3 projek PKPPNP sedang dibina di Negeri Perak. 304 unit sedang dibina di Wilayah Segari, Daerah Manjung, 1039 unit di Seri Iskandar, Daerah Perak tengah dan 596 unit di Tapah Road, Daerah Batang Padang. Ketiga-tiga projek telah dimulakan pada tahun 2017 dan dijangka siap pada tahun 2019.

Rumah contoh PKPPNP yang telah siap di Wilayah Segari, Daerah Manjung

6. Rumah Amanjaya

Rumah Amanjaya ini ialah hasil penjenamaan semula rumah kos rendah yang mempunyai reka bentuk setaraf rumah kos sederhana yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP). Kerajaan Negeri telah merancang 1,200 unit Rumah Amanjaya untuk dibina bermula dari tahun 2017 sehingga 2018. Rumah yang berharga RM70,000.00 ini akan dijual kepada golongan B40. Sehingga kini 694 unit rumah Amanjaya sedang dibina di Negeri Perak. 50 unit di Felcra Nasaruddin, Daerah Perak Tengah, 58 unit di Mukim Ulu Bernam Timur, Daerah Muallim, 64 unit di Mukim Slim (Trolak) Daerah Batang Padang, 54 unit di Malim Nawar,Kampar, 100 unit di Dennis Town, Daerah Kerian, 340 unit di Batu 10, Lekir, Daerah Manjung dan 28 unit di Kg. Dato' Nazri, Langkap Daerah Hilir Perak. Kesemua projek telah bermula pada tahun 2017 dan dijangka siap pada tahun 2019.

WDR 8306
JKR
PERAK

PERISTIWA BERGAMBAR

SIRI 2
RM10,000.00
WDR 8306

CADANGAN VENUE PERTANDINGAN

SUKMA XIX PERAK 2018